

## KITAB IMAN

### HADIS PERTAMA

Daripada Ubadah bin Somit ra bahawa Rasulullah saw bersabda dan di sekitarnya sekumpulan sahabat: *“Bersumpah setialah kamu dengan aku untuk tidak menyengutukan Allah dengan sesuatu, tidak mencuri, tidak berzina, tidak membunuh anak-anak kamu, tidak melakukan pendustaan yang kamu reka-rekakannya di kalangan kamu dan janganlah kamu ingkari pada perkara kebaikan. Sesiapa yang menyempurnakan perkara ini maka pahalanya di sisi Allah swt dan sesiapa yang dihukum kerana melakukan perkara tersebut di dunia maka itu adalah penebus dosa untuknya, sesiapa yang melakukan perkara tersebut kemudian Allah menutupnya, sekiranya Allah ingin maka Ia ampunkannya atau azabkannya, maka kami semua berjanji setia dengan perkara tersebut”*.

- Perawi ini namanya Ubadah bin Somit bin Qais al Ansori al Khazraji.
- Menyertai perjanjian Uqbah pertama dan kedua, perang Badar, perang Uhud, perjanjian Ridwan dan semua penyertaan ini bersama Rasulullah saw.
- Beliau adalah salah seorang naqib yang 12 orang itu pada malam perjanjian Uqbah di Mina
- Naqib ialah penyelia bagi sesuatu kaum
- Beliau meriwayatkan daripada Rasulullah saw 181 hadis
- Dalam kitab Bukhari terdapat 8 hadis riwayat beliau.
- Beliau orang pertama yang menjadi qadi Palestin di Syam
- Beliau mati pada tahun 34 ketika usianya 72 tahun
- Beliau di tanam di Baitul Maqdis dan kuburnya terkenal di sana.

## كتاب الإيمان

### الحديث الأول (ص: ١)

عَنْ عُبَادَةَ بْنِ الصَّامِتِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ وَحَوْلَهُ عِصَابَةٌ مِنْ أَصْحَابِهِ: بَايَعُونِي عَلَى أَلَّا تُشْرِكُوا بِاللَّهِ شَيْئًا وَلَا تَسْرِقُوا ، وَلَا تَزْنُوا ، وَلَا تَقْتُلُوا أَوْلَادَكُمْ ، وَلَا تَأْتُوا بِبُهْتَانٍ تَفْتَرُونَهُ بَيْنَ أَيْدِيكُمْ وَأَرْجُلِكُمْ ، وَلَا تَعْصُوا فِي مَعْرُوفٍ، فَمَنْ وَفَى مِنْكُمْ فَأَجْرُهُ عَلَى اللَّهِ ، وَمَنْ أَصَابَ مِنْ ذَلِكَ شَيْئًا فَعُوقِبَ فِي الدُّنْيَا فَهُوَ كَفَّارَةٌ لَهُ ، وَمَنْ أَصَابَ مِنْ ذَلِكَ شَيْئًا ثُمَّ سَتَرَهُ اللَّهُ فَهُوَ إِلَى اللَّهِ إِنْ شَاءَ عَقَابًا عَنْهُ ، وَإِنْ شَاءَ عَاقِبَهُ، فَبَايَعَنَاهُ عَلَى ذَلِكَ.

- اسمه عبادة بن الصامت بن قيس الأنصاري الخزرجي

- شهد العقبة الأولى والثانية وبدرا وأحدا وبيعة الرضوان والمشاهد كلها مع رسول الله ﷺ.

- وهو أحد النقباء الأثني عشر ليلة العقبة بمخى.

- والنقيب الناظر على القوم.

- وروي له عن رسول الله ﷺ مائة وواحد وثمانون حديثا.

- وله في البخاري ثمانية أحاديث.

- وهو أول من ولي قضاء فلسطين بالشام.

- ومات بها سنة أربع وثلاثين عن اثنين وسبعين سنة.

- ودفن في بيت المقدس وقبره بها معروف.

**Perbendaharaan kata :**

[عصابة] : bilangan antara 10 – 40 orang ( mereka ialah 11 lelaki beserta Ubadah jumlahnya 12 orang)

[بايعوني] : kamu berjanji/bersumpah setia denganku

[المبايعة] : perjanjian

[علي] : memberi maksud tauhid

[بھتان] ; dusta yang mengejutkan orang yang mendengarnya kerana buruknya seperti menuduh berzina, membuka keburukan orang dan keaibannya.

[تفترونه] : mereka-rekakan ceritanya.

[ولا تعصوا] : janganlah kamu derhakai aku dan mana-mana orang yang kamu lantik menjadi pemimpin selepasku

[في معروف] : perkara yang dimaklumi pada syara' tentang baiknya sama ada larangan atau perintah.

[فمن وفي منكم] : tetap di atas perjanjian itu.

**Kisah ringkas di sebalik sumpah setia ‘Aqabah pertama dan kedua**

- Nabi saw memperkenalkan dirinya kepada kabilah-kabilah Arab pada setiap kali musim haji

- Ketika baginda berada di ‘Aqabah (puncak bukit) baginda bertemu sekumpulan kaum Khazraj, lalu berkata : “Bolehkah kalian duduk, aku ingin bercakap sesuatu”. Mereka menjawab: “Boleh”. Mereka pun duduk maka baginda pun menyeru mereka kepada Allah dan membentangkan kepada mereka Islam serta membaca ayat-ayat al Quran. Lalu mereka menyahut dakwah nabi saw itu.

- Setelah mereka pulang ke negeri mereka , lalu mereka menyampaikannya kepada kaum mereka. maka tersebarlah tentang Rasulullah saw di kalangan mereka.

**معاني الكلمات:**

عصابة : ما بين العشرة إلى الأربعين ( وهم أحد عشر رجلا ومع عبادة اثنا عشر )

بايعوني : عاهدوني

المبايعة : المعاهدة

علي : ما يفيد التوحيد

بھتان: أى كذب ييهت سامعه أى يدهشه لفضاعته كالرمي بالزنا والفضيحة والعار

تفترونه: من الإفتراء أى تختلقونه

ولا تعصوا : أى لا تعصوني ولا أحدا ممن ولى عليكم بعدي

في معروف: وهو ما عرف من الشارع حسنة نھيا وأمرا

فمن وفي منكم : ثبت على العهد

**قصة قصيرة وراء بيعة العقبة الأولى والثانية**

- أنه ﷺ كان يعرض نفسه على قبائل العرب في كل موسم
- فبينما هو عند العقبة ( العقبة أعلى الجبل ) إذ لقي رهطا من الخزرج، فقال : ألا تجلسون أكلمكم ؟ قالوا: بلى، فجلسوا فدعاهم الى الله تعالى وعرض عليهم الاسلام وتلا عليهم القرآن فأجابوه.
- فلما انصرفوا إلى بلادهم ذكروه لقومهم، ففشا أمر رسول الله ﷺ فيهم.

- Pada tahun hadapan datang 12 lelaki di musim haji di kalangan kaum Ansar antaranya Ubadah bin Somit. Mereka bertemu Rasulullah saw maka mereka bersumpah setia dengan baginda sebagai Bai'ah Nisa' (sumpah setia di kalangan perempuan) seperti yang dijelaskan dalam firman Allah swt : " *Wahai nabi, apabila datang wanita-wanita yang beriman untu berjanji setia denganmu bahawa mereka tidak akan mensyirikkan Allah dengan sesuatu pun*". Inilah sumpah setia 'Aqabah yang pertama.
- Kemudian mereka pulang dan datang pula pada tahun seterusnya 70 orang lelaki ke 'Aqabah lalu Rasulullah bertemu dengan mereka dan mengajak mereka beriman (pada Allah swt), lalu mereka menyahut seruan baginda. Nabi saw berkata : "Aku berjanji setia dengan kamu agar kamu memelihara daku dari perkara yang kamu menghalangnya daripada berlaku kepada anak-anak kamu". Mereka berkata : "Bukakan tangan kamu (wahai Rasulullah), kami ingin bersumpah setia dengan kamu". Nabi saw berkata : "Keluarlah (pilihlah) untukku 12 orang di kalangan kamu sebagai naqib".
- Ubadah adalah naqib bani 'Auf. Mereka berbai'ah dengan baginda saw dan inilah bai'ah 'Aqabah kedua.

S- Apakah maksud sabda nabi saw ..... ?

[أن لا تشركوا بالله]

J- Meninggalkan syirik dan tetap dengan tauhid

[بين أيديكم وأرجلكم]

J- Dari diri kamu sendiri

[فأجره على الله]

J- Kelebihan dan janji baik tidaklah wajib ke atas Allah

[ومن أصاب من ذلك شيئا]

J- Selain syirik (menyekutukan Allah).

- فأتى في العام المقبل اثنا عشر رجلا إلى الموسم من الأنصار فيهم من عبادة بن الصامت، فلقوا رسول الله ﷺ بالعقبه فبايعوه بيعة النساء أعنى ما قال الله تعالى : " يأيها النبي اذا جاء المؤمنت يبايعنك على ان لا يشركن بالله شيئا" وهي بيعة العقبة الأولى.

- ثم انصرفوا وخرج في العام الآخر (المقبل) سبعون رجلا منهم إلى العقبة فاجتمع بهم رسول الله ﷺ ورغبهم في الايمان فأجابوه، فقال : إني أبايعكم على أن تمنعوني مما منعتهم منه أبناءكم ، فقالوا: ابسط يدك نبايعك. فقال : أخرجوا إليّ منكم اثني عشر نقيبا .

- وكان عبادة نقيب بني عوف ، فبايعوه عليه السلام وهي بيعة العقبة الثانية.

س- ما المراد بقوله ﷺ :

- " أن لا تشركوا بالله "

ج- أى على ترك الاشراك المستلزم للتوحيد .

- " بين أيديكم وأرجلكم "

ج- أي من قبل أنفسكم .

- " فأجره على الله "

ج- فضلا ووعدا لا وجوبا عليه.

- " ومن أصاب من ذلك شيئا "

ج- غير الشرك .

[فعوقب في الدنيا فهو كفارة له]

J- Dihukum kerana sebab perkara tersebut di dunia dengan dilaksanakan hokum hudud itu adalah penebus dosa untuknya.

[إن شاء عفا عنه ، وإن شاء عاقبه]

J- Termasuk orang yang bertaubat dan tidak bertaubat. Ianya tidak semestinya masuk neraka bahkan ianya mengikut kehendak Allah swt.

S- Di mana berlaku bai'ah ridwan dan kenapa dinamakan sedemikian ?

J- Berlaku bai'ah Ridwan di Hudaibiyah. Dinamakan sedemikian kerana bai'ah itu berlaku di bawah pokok.

S- Kenapa dinamakan "mubaya'ah" / "Mu'ahadah" ?

J- Dinamakan *mubaya'ah* / *Mu'ahadah* kerana menyerupai dengan pertukaran jual beli

S- Kenapa didahulukan syirik berbanding perkara selepasnya ?

J- Didahulukan syirik berbanding perkara selepasnya kerana ianya adalah asal (punca bagi perkara lain).

S- Kenapa dikhususkan membunuh anak-anak dalam sabda nabi saw ..... ?

J- Dikhususkan membunuh anak-anak dalam sabda nabi saw ini kerana beberapa sebab:

- 1- Kerana ianya tersebar di kalangan mereka ( membunuh anak-anak perempuan iaitu menanamnya hidup-hidup dan membunuh anak-anak lelaki kerana bimbang kemiskinan).
- 2- Kerana pembunuhan mereka itu lebih dahsyat daripada pembunuhan yang lain (kerana membunuh dan memutuskan hubungan kekeluargaan).
- 3- Kerana mereka tidak mampu menghilangkannya dari diri mereka (maka larangan itu sememangnya patut)

- " فعوقب في الدنيا فهو كفارة له "

ج- فعوقب بسببه في الدنيا بأن أقيم عليه الحد كفارة له .

- " إن شاء عفا عنه ، وإن شاء عاقبه."

ج- يتناول من تاب ولم يتب وأنه لا يتحتم دخوله النار بل هو إلى مشيئة الله.

س- أين وقعت بيعة الرضوان ولماذا سميت بذلك؟

ج- وقعت بيعة الرضوان بالحديبية وسميت بذلك لأنها وقعت تحت الشجرة.

س- لماذا سميت بالمبايعة / بالمعاهدة؟

ج- سميت بالمبايعة / بالمعاهدة تشبيها بالمعاهدة المالية .

س- لماذا قدم الأشرار على ما بعده ؟

ج- قدم الأشرار على ما بعده لأنه الأصل .

س- لماذا خص القتل بالأولاد كما في قوله ﷺ " ولا تقتلوا أولادكم"؟

ج- خص القتل بالأولاد كما في قوله ﷺ " ولا تقتلوا أولادكم" لأسباب:

١- لأنه كان شائعا فيهم ( وهو وأد البنات أى دفنهن بالحياة وقتل البنين خشية

(الإملاق)

٢- لأن قتلهم أكبر من قتل غيرهم ( لأنه قتل وقطيعة رحم )

٣- لأنهم لا يقدرون على الذب عن انفسهم ( فالعناية بالنهي عنه أكد )

## Panitia Syariah SMU(A) Meheliah

S- Kenapa dikiaskan tangan dan kaki bagi tubuh badan seperti dalam sabda nabi ..... ?

J- Dikiaskan tangan dan kaki bagi tubuh badan :

- 1- Kerana sebahagian besar perbuatan dilakukan dengan kedua-dua anggota tersebut.
- 2- Kerana di antara tangan dan kaki terdapat hati yang menterjemahkan bahasa lidah, kerana itulah disandarkan kepadanya “pembongkaran”.

S- Apakah maksud sabda nabi saw [ولا تأتوا بيهتان تفترونه بين أيديكم وأرجلكم] ?

J- Maksudnya :

- 1- Janganlah kamu menuduh seseorang secara dusta mengikut pandangan kamu kemudian kamu membohongi sahabatnya dengan lidah kamu.
- 2- Janganlah kamu bohongi manusia dengan keaiban secara bersungguh-sungguh, sedangkan sebahagian kamu adalah saksi untuk sebahagian yang lain.

S- Mengapa nabi saw mengaitkan maksiat dengan makruf dalam sabdanya “Janganlah kamu ingkari pada perkara kebaikan”, sedangkan baginda hanya menyuruh perkara makruf sahaja?

J- Nabi saw mengaitkan maksiat dengan makruf ialah:

- 1- Membersihkan (mengharumkan) hati mereka
- 2- Sebagai peringatan bahawa tidak boleh mentaati makhluk dalam melakukan maksiat pada Allah swt.

S- Kenapa dikhususkan maksiat dalam hadis ini?

J- Disebut perkataan maksiat dalam hadis ini kerana mengambil berat perkara tersebut.

س- لماذا كني باليد والرجل عن الذات كما في قوله ﷺ " بين أيديكم وأرجلكم "؟

ج- كني باليد والرجل عن الذات :

١- لأن معظم الأفعال تقع بهما .

٢- لأن بين الأيدي والأرجل القلب الذي يترجم عنه اللسان , فلذا نسب اليه الافتراء .

س- ما المقصود قول النبي ﷺ " ولا تأتوا بيهتان تفترونه بين أيديكم وأرجلكم "؟

ج- المقصود بـ " ولا تأتوا بيهتان تفترونه بين أيديكم وأرجلكم "

١- لا ترمون أحدا بكذب ترونه في أنفسكم ثم تبتهون صاحبه بألسنتكم .

٢- لا تبتهوا الناس بالمعائب كفاحا وبعضكم يشاهد بعضا .

س- لماذا قيد النبي ﷺ المعصية بالمعروف في قوله " ولا تعصوا في معروف " وأن كان عليه

الصلاة والسلام لا يأمر إلا به؟

ج- قيد النبي ﷺ به:

١- تطيبا لقلوبهم .

٢- وتنبهها على أنه لا تجوز طاعة مخلوق في معصية الخالق .

س- لماذا خص هذه المعاصي بالذكر؟

ج- خص هذه المعاصي بالذكر للاهتمام بها .

## Panitia Syariah SMU(A) Meheliah

S- Apakah jawapan anda kepada orang yang bertanya : “Kenapa hanya menyebut perkara larangan tetapi tidak menyebut perkara suruhan”?

J- Jawabannya :

- 1- Nabi saw tidak mengabaikannya bahkan menyebutnya secara umum dalam kata-katanya “*Janganlah kamu ingkari pada perkara kebaikan*”, kerana mengingkari itu adalah menyalai perintah.
- 2- Menyebut beberapa perkara larangan tidak perkara suruhan kerana menolak kerosakkan itu lebih didahulukan berbanding mendapatkan kebaikan.

S- Nyatakan hadis lain yang menunjukkan hukuman hudud itu adalah penebus dosa.

J- Hadis lain yang menunjukkan hukuman hudud itu adalah penebus dosa ialah hadis riwayat Ali bin Abu Tolib k.a.w secara marfu’ : “*Sesiapa yang melakukan dosa, lalu dihukum kerana perbuatan itu di dunia. Sesungguhnya Allah swt itu lebih mulia daripada melaksanakan hukuman kepadanya di akhirat kelak*”.

S- Ulamak berselisih pendapat dalam masalah hudud, adakah ianya penebus dosa kepada pelakunya atau tidak itu kepada tiga pendapat. Nyatakan ketiga-tiga pendapat tersebut.

J-

1. Kebanyakan ulamak berpendapat bahawa hukuman hudud itu sebagai penebus dosa dan mereka berdalilkan hadis ini.
2. Sebahagiannya mengikut hadis Abu Hurairah bahawa nabi saw bersabda: “*Aku tidak tahu hukuman hudud itu sebagai penebus dosa bagi pelakunya atau tidak*”.
3. Sebahagiannya lagi berpendapat hukuman hudud itu ialah penghalang. Hukuman bunuh kepada pembunuh itu sebagai menghalang berlakunya (pembunuhan lain) kepada orang lain. Manakala di akhirat orang yang menuntut ke atas pembunuhan itu akan datang dan akan dibalas, sekiranya berlaku sedemikian maka tidaklah boleh memaafkan pembunuh.

س- ماذا تجيب لمن يقول " لم اقتصر على المنهيات ولم يذكر المأمورات"؟

ج- أجيب لمن يقول " لم اقتصر على المنهيات ولم يذكر المأمورات "

١- إنه ﷺ لم يهملها بل ذكرها علي طريق الإجمال في قوله " ولا تعصوا في معروف " إذ العصيان مخالفة لأمر.

٢- إنما نص على كثير من المنهيات دون المأمورات لأن درء المفسد مقدم على جلب المصالح.

س- اذكر حديثا آخر يدل على أن الحدود كفارات.

ج- الحديث الاخر يدل على أن الحدود كفارات الذي رواه علي بن ابي طالب كرم الله وجهه مرفوعا " من أصاب ذنبا فعوقب به في الدنيا فالله أكرم من أن يثني العقوبة على عبده في الآخرة".

س- اختلف العلماء في مسألة الحدود هل هي كفارة لأهلها أم لا إلى ثلاثة أقوال، اذكر هذه الأقوال الثلاثة.

ج-١- ذهب أكثر العلماء أن الحدود كفارات واستدلوا بهذا الحديث.

٢- ومنهم من وقف لحديث ابي هريرة ان النبي ﷺ قال : "لا أدري الحدود كفارة لأهلها أم لا".

٣- ومنهم من قال: "أن الحدود هي زواجر، فقتل القاتل حد رادع لغيره، وأما في الآخرة فالطالب للمقتول قائم وتعقب بأنه لو كان كذلك لم يجز العفو عن القاتل.

## Panitia Syariah SMU(A) Meheliah

S- Terangkan sebab yang menunjukkan bahawa hadis riwayat 'Ubadah bin Somit sanadnya yang paling sahih berbanding hadis riwayat Abu Hurairah ra.

J-

- 1- Hadis 'Ubadah sanad yang paling sahih kerana bersambung sanadnya dan hadis Abu Hurairah adalah hadis Mursal.
- 2- Hadis Abu Hurairah mula-mulanya datang sebelum nabi saw tahu bahawa hukuman hudud itu sebagai penebus dosa, kemudian Allah swt mengajar baginda perkara tersebut. Datangnya (hadis ini) dengan lewatnya keislaman Abu Hurairah.
- 3- Terdahulu hadis 'Ubadah kerana peristiwa itu berlaku pada malam Bai'ah 'Aqabah pertama mengikut pendapat yang tepat.
- 4- Mungkin Abu Hurairah tidak mendengar perkara tersebut dari nabi saw tetapi mendengarnya dari sahabat yang lain yang mendengar dari nabi saw sebelum ini dan dia tidak mendengarnya lagi dari nabi selepas itu bahawa hukuman hudud itu adalah penebus dosa seperti yang didengar oleh 'Ubadah.

S- Kenapa majoriti ulamak mengatakan: taubat itu menghilangkan dosa tetapi tidak selamat dari perancangan Allah swt?

J- Kerana ianya tidak diketahui adakah taubat itu diterima atau tidak.

S- Apakah hikmah dihubungkan ayat yang mengandungi hukuman dengan ayat sebelumnya dengan huruf "fa". Ayat yang mengandungi "makna Allah menutup kesalahan" dihubungkan dengan perkataan "kemudian" seperti dalam hadis ini?

J- hikmah dihubungkan ayat dengan huruf "fa" bagi yang mengandungi hukuman dan dengan perkataan "kemudian" bagi ayat yang mengandungi "makna menutup" adalah untuk menjauhkan daripada tempat maksiat:

- 1- Pendengar apabila mengetahui hukuman itu dibalas secara mengejut kerana melakukan maksiat (yang mana hukumannya telah ditetapkan) – maka ia akan meninggalkannya.
- 2- "Makna Allah menutup kesalahan seseorang" itu selepas (perintah) menjauhi maksiat dan berhati-hati dengannya.

س- بين الأسباب التي تدل على أن الحديث الذي رواه عباد بن الصامت أصح اسنادا من رواية أبي هريرة رضي الله عنهما.

ج- ١- حديث عباد أصح اسنادا لأنه متصل الاسناد وحديث أبي هريرة مرسل.

٢- وأن حديث أبي هريرة ورد أولا قبل أن يعلم عليه الصلاة والسلام أن الحدود كفارات ثم أعلمه الله تعالى آخرا وعورض بتأخر إسلام أبي هريرة.

٣- وتقدم حديث عباد إذ كان ليلة العقبة الأولى على الراجح.

٤- ويمكن أن يكون أبو هريرة لم يسمعه من النبي ﷺ وإنما سمعه من صحابي آخر كان سمعه من النبي ﷺ قديما ولم يسمع من النبي ﷺ بعد ذلك أن الحدود كفارة كما سمعه عباد.

س- لماذا قال الجمهور: "أن التوبة ترفع المؤاخظة لكن لا يأمن مكر الله!"

ج- لأنه لا اطلاع له هل قبلت توبة أو لا.

س- ما الحكمة في عطف الجملة المتضمنة للعقوبة على ما قبلها بـ " ف " والمتضمنة للستر بـ "ثم" كما في الحديث؟

ج- الحكمة في عطف الجملة سواء بالفاء للعقوبة او بـ ثم للستر أنه للتنفير عن موقعة المعصية :

١- فالإسماع إذا علم أن العقوبة مفاجئة لاصابة المعصية غير متراخية عنها.

٢- وأن الستر متراخ بعته ذلك على اجتناب المعصية وتوقئها.

## Panitia Syariah SMU(A) Meheliah

S- Nyatakan perjanjian yang terkandung dalam Bai'ah 'Aqabah pertama dan kedua seperti dalam hadis ini.

J-

1. Meninggalkan menyengutukan Allah dengan yang lain.
2. Meninggalkan perbuatan mencuri
3. Meninggalkan zina
4. Meninggalkan membunuh anak-anak
5. Meninggalkan pembohongan seperti menuduh seseorang berzina
6. Meninggalkan maksiat (tidak menurut perintah) pada Rasulullah saw dan orang yang memimpin mereka selepasnya dalam urusan kebaikan.

- Perjanjian dalam Bai'ah 'Aqabah kedua ialah mereka memelihara Rasulullah saw daripada perkara yang mereka elakkannya berlaku pada anak-anak mereka.

S- Dalam hadis ini terdapat perkara yang berkaitan dengan perbahasan iman iaitu dua sudut:

J-

- 1- Menjauhi perkara yang dilarang itu sebahagian daripada keimanan seperti juga menjunjung perintah (Allah swt).
- 2- Mengandung jawapan kepada orang yang berkata: "Orang yang melakukan dosa besar adalah kafir atau kekal dalam neraka", seperti sabda nabi saw: "Jika Allah kehendaki, Ia maafkannya dan jika Ia kehendaki Ia seksakannya".

س- اذكر المعاهدات التي تتضمن في بيعة العقبة الأولى والثانية كما في الحديث.

ج- ١- ترك الاشتراك بالله شيئا

٢- ترك السرقة

٣- ترك الزنى

٤- ترك قتل الأولاد

٥- ترك الاتيان ببهتان كالرمي بالزنى

٦- ترك معصية الرسول ﷺ وممن ولى عليهم بعده في المعروف.

- والمعاهدة في بيعة العقبة الثانية هي إنهم يمنعون الرسول ﷺ مما منعوهم منه أبناءهم.

س- في الحديث ما يتعلق بمباحث الايمان من وجهين، بين هذين الوجهين.

ج- ١- إن اجتناب المناهي من الايمان كامتثال الأوامر.

٢- إنه تتضمن الرد على من يقول: "أن مرتكب البيرة كافر أو مخلد في النار"،

كما في قوله ﷺ: "إن شاء عفا عنه وإن شاء عاقبه".



## HADIS KEDUA

Daripada Ibnu Umar r.a bahawa Rasulullah saw bersabda : “*Aku diperintah agar memerangi manusia sehingga mereka menyaksikan bahawa tidak ada tuhan melainkan Allah, mendirikan solat dan menunaikan zakat. Apabila mereka melakukan perkara tersebut maka terpeliharalah darah dan harta mereka daripadaku kecuali dengan hak Islam (hukuman syariah Islam) dan perhitungan mereka itu terserah pada Allah swt*”.

### Perbendaharaan kata:

[أمرت]: Allah memerintahkan aku

[أن اقاتل]: dengan memerangi

[الناس]: ahli kitab, dan pendapat lain mengatakan :”orang kafir”.

[حتى]: kepada (sehingga)

[يقيموا الصلاة]: solat fardu

[يؤتوا الزكاة]: zakat yang wajib iaitu diserahkan kepada orang yang berhak menerimannya.

[عصموا]: mereka terpelihara, terhalang

[على الله]: pada perkara-perkara rahsia mereka.

S- Apakah maksud kata-kata nabi saw [عصموا مني دماءهم وأموالهم] ?

J- Janganlah kamu sia-siakan darah mereka (bunuh mereka) dan janganlah kamu mengambil harta mereka selepas aku memeliharanya walaupun dengan apa-apa sebab sekalipun.

S- Apakah maksud kata-kata nabi saw [إلا بحق الاسلام] ?

J- Dengan hak Islam (seperti hukuman membunuh seseorang, hukuman hudud, hokum membayar ganti rugi harta yang dirosakkan atau hukuman orang yang meninggalkan solat).

## الحديث الثاني (ص: 6)

عن ابن عمر رضي الله عنهما أن رسول الله ﷺ قال: أمرت أن أقاتل الناس حتى يشهد أن لا إله إلا الله وأن محمدًا رسول الله ويقيموا الصلاة ويؤتوا الزكاة، فإذا فعلوا ذلك عصموا مني دماءهم وأموالهم إلا بحق الإسلام وحسابهم على الله.

### معاني الكلمات:

أمرت: اى أمرني الله

أن اقاتل: بأن اقاتل أى بمقاتلة

الناس: أى اهل الكتاب, وقيل: المشركين

حتى: أى إلى

يقيموا الصلاة: المفروضة / المكتوبة

يؤتوا الزكاة: المفروضة أى يعطوها لمستحقيها

عصموا: حفظوا ومنعوا

على الله: في أمر سرايرهم

س- ما المراد بقوله ﷺ "عصموا مني دماءهم وأموالهم"؟

ج- لا تهدر دماءهم ولا تستباح أموالهم بعد عصمتهم بسبب من الأسباب.

س- ما المراد بقوله ﷺ "إلا بحق الاسلام"؟

ج- أى بحق من حقوق الاسلام (من قتل نفس أو حد أو غرامة متلف أو ترك الصلاة)

S- *Bagaimana cara mendirikan solat seperti sabda nabi saw [يقيموا الصلاة] ?*

J-

- 1) Menyempurnakan rukun solat dan memeliharanya daripada berlaku perkara yang membatalkan perkara fardhu, perkara sunat dan adab-adabnya. “seseorang itu mendirikan sesuatu tiang itu apabila ia menegakkannya”.
- 2) Sentiasa melaksanakannya. “adanya pasar itu dengan wujudnya urusan perbelanjaan (jual beli)”.
- 3) Tekun dan bersungguh-sungguh melaksanakannya. “peperangan itu benar-benar berlaku apabila pertempuran itu memuncak”.
- 4) Menunaikan solat ialah ibarat melaksanakannya dengan cara berdiri kerana berdiri itu sebahagian rukunnya

S- *Apakah jawapan anda kepada orang yang bertanya : “Bila seseorang itu melakukan perkara tersebut (beriman, mendirikan solat, menunaikan zakat) maka tidak akan dibunuh sekalipun ia kufur dengan semua apa yang dibawa oleh nabi saw”?*

J- Saya menjawab : “Membenarkan dengan penyaksian / beriman pada risalah nabi saw mengandungi maksud beriman dengan segala apa yang dibawa oleh baginda”.

S- *Apakah jawapan anda kepada orang yang bertanya : “Hadis ini bermaksud larangan memerangi orang yang ada perjanjian damai seperti orang yang membayar jizyah. Maka perkara ini perlu dinilai juga”?*

J- Saya menjawab : “Maksud tidak memerangi mereka ialah terangkat perintah tersebut bukan menangguhkannya ke suatu tempoh lain seperti dalam perjanjian gencatan senjata”.

S- *Kenapa disebut solat dan zakat dalam hadis ini sedangkan apabila seseorang itu mengucap dua kalimah syahadah maka ia terpelihara sekalipun tidak solat dan tidak membayar zakat?*

J- Kerana besarnya dan mengambil berat terhadap kedua-dua perkara ini kerana kedua-duanya adalah ibu kepada ibadat tubuh badan dan ibadat harta . oleh sebab itu solat merupakan tiang agama dan zakat adalah fitrah Islam.

س- كيف يكون إقامة الصلاة كما في قوله ﷺ " يقيموا الصلاة"؟

ج- ١- أما تعديل أركانها وحفظها من أن يقع زيغ في فرائضها وسننها وأدائها ( من أقام العود إذا قومه)

٢- وأما الدوام عليها ( من قامت السوق إذا نفقت)

٣- وأما التجلد والتشمير في ادائها ( من قامت الحرب على ساقها إذا اشتد القتال)

٤- وأما أدائها تعبيرا عن الأداء بالاقامة لأن القيام بعض أركانها.

س- ماذا تجيب لمن قال: متى فعل ذلك ( شهد واقام وأتى) يترك قتاله وإن كفر بسائر ما جاء به ﷺ؟

ج- أجب بأن التصديق ( الشهادة) برسالته عليه الصلاة والسلام يتضمن التصديق بكل ما جاء به.

س- ماذا تجيب لمن قال: أنه يمتنع قتال المعاهدين كمن أعطى الجزية فلا بد من تقدير أيضا؟

ج- أجب بأن المراد بترك المقاتلة رفعها لا تأخيرها مدة كما في الهدنة.

س- لماذا ذكر الصلاة والزكاة في الحديث مع أنه إذا أتى بالشهادتين عصم وإن لم يصل ولم يزك؟

ج- لعظمتها والاهتمام بأمرها لأنهما أمَّا العبادات البدنية والمالية ولذا كانت الصلاة عماد الدين والزكاة فطرة الاسلام.

## Hadis 6

Daripada Aisyah r.a, seorang wanita bertanya kepada nabi saw tentang mandi wajib (kerana haid). Lalu baginda mengajarnya cara mandi, kemudian berkata: “Ambillah sedikit wangian dan bersihkanlah dengan wangian itu”. Wanita itu bertanya: “Bagaimana cara saya hendak membersihkannya?” Baginda berkata: “Maha suci Allah, bersihkanlah!”. Lalu aku menarik wanita itu dan berkata kepadanya: “Kamu lalukannya di tempat kesan darah haid itu”.

### Huraian Hadis

- Aisyah meriwayatkan bahawa seorang wanita di kalangan Ansar namanya Asma' binti Syakl, pendapat lain mengatakan namanya Asma' binti Yazid bin Sakn al Ansoriyah.
- Dia adalah jurucakap wanita dan yang bertanggungjawab terhadap pelbagai perkara yang berlaku.
- Asma' bertanya kepada nabi saw cara mandi wajib (bagi perempuan haid).
- Lalu nabi saw menyuruhnya agar membersihkan dirinya dengan cara yang terbaik.
- Kemudian nabi saw menerangkannya cara mandi bagi wanita haid.
- Wanita itu bertanya cara menyucikannya dengan wangian kerana dia tidak mengetahuinya.
- Nabi saw merasa hairan dari pertanyaan itu sehingga baginda berkata : “Maha Suci Allah”.
- Lalu Aisyah menerangkan kata-kata nabi saw itu kepada wanita tersebut selepas itu sehinggalah dia faham.

### Sejarah Ringkas perawi Hadis:

- Beliau ialah Ummul Mukminin r.a
- Rasulullah mengahwininya di Mekah ketika usianya 6 tahun dan bersamanya ketika usia 9 tahun.

## الحديث السادس (ص: ١٥)

عن عائشة رضي الله عنها ان امرأة سألت النبي ﷺ عن غسلها من الحيض فأمرها كيف تغتسل، قال: خذي فرصة من مسك فتطهري بها، قالت: كيف أتطهر بها؟ قال: سبحان الله! تطهري، فاجتذبتها إلي، فقلت: تتبعي بها أثر الدم.

### شرح الحديث

- روت عائشة أن امرأة من الأنصار اسمها أسماء بنت شكل ، وقيل اسمها أسماء بنت يزيد بن السكن الأنصارية.
- وهي خطيبة النساء ويتحمل تعدد الواقعة.
- وسألت أسماء النبي ﷺ عن كيفية الغسل عن الحيض.
- فأمرها النبي ﷺ بأن تطهر نفسها على أحسن وجه.
- ثم بينها النبي ﷺ كيفية الغسل عن الحيض.
- وسألت المرأة كيفية التطهر بالمسك لأنها لا تعلم.
- وتعجب الرسول ﷺ من سؤالها هذا حتى قال " سبحان الله "
- فبينت عائشة كلام رسول الله ﷺ الى هذه المرأة بعد ذلك حتى تفهم.

### نبذة قصيرة عن راوي الحديث

- هي أم المؤمنين رضي الله عنها
- تزوجها الرسول ﷺ بمكة وعمرها ست سنوات ودخل بها وهي تسع سنوات من عمرها.

## Panitia Syariah SMU(A) Meheliah

- Pada hari kewafatan nabi saw, usianya 18 tahun.
- Beliau hidup selepas wafat nabi saw selama 40 tahun.
- Beliau adalah wanita yang paling alim dan mendalam ilmunya.
- Beliau meriwayatkan 1210 hadis.

### Perbendaharaan kata:

[الحيض] : haid

[فرصة] : secebis

[مسك] : darah rusa

[تطهري] : kamu bersihkan

[بها] : dengan cebisan itu

[أثر الدم] : kawasan dalam kemaluan

S- Apakah maksud kata nabi saw ..... ?

J- Ambillah sedikit wangian (daripada darah rusa) kamu bawakannya untuk menyapu kemaluan.

S- terangkan cara mandi wajib (bagi perempuan haid) seperti yang anda faham dari hadis tersebut.

- J- 1) Bersihkan diri dengan cara yang paling sempurna.  
2) Tuangkan air di atas kepala  
3) Gosok dengan kuat sehingga sampai ke pangkal rambut.  
4) Tuangkan air ke badan  
5) Ambil sedikit wangian untuk menyapu (bahagian) kemaluan.

- وفي يوم وفاة رسول الله ﷺ كان عمرها ثمانين سنة (١٨)
- وعاشت بعد وفاة رسول الله ﷺ أربعين سنة.
- وكانت من أعلم النساء وأفقههن
- وروى لها ألف حديث ومائتان وعشرة (١٢١٠)

### معاني الكلمات

الحيض : الحيض

فرصة : قطعة

مسك : دم الغزال

تطهري : تنظفي

بها : بالفرصة

أثر الدم : الكائن في الفرج

س- ما المراد بقول الرسول ﷺ "خذي فرصة من مسك فتطهري بها"؟

ج- أى خذي قطعة من دم الغزال تحملي بها لمسح القبل.

س- بين كيفية غسل الحيض كما تفهم من الحديث.

ج- ١- تطهر النفس على احسن وجه

٢- صب الماء على الرأس

٣- التدليك الشديد حتى بلغ أصول الرأس

٤- صب الماء على البدن.

٥- أخذ قطعة من المسك لمسح القبل.

## Panitia Syariah SMU(A) Meheliah

S- Apakah maksud "Misk" dalam sabda nabi saw .... ?

- J- 1) Apabila dibaca dengan *mim* berbaris bawah, ertinya (wangian) dari darah rusa.  
2) Apabila dibaca dengan *mim* berbaris atas, ertinya kulit binatang (dalam setengah riwayat)  
3) Maknanya yang paling tepat daripada ilmuwan bahasa dan diputuskan oleh imam Nawawi perkataan itu dengan *mim* berbaris bawah.

S- Sebutkan adab guru dan pelajar dalam menuntut ilmu sebagaimana yang anda faham dari hadis tersebut.

- J- 1) Guru digalakkan membawa cara kiasan bagi menjawab perkara-perkara sulit.  
2) Seseorang itu tidak boleh malu untuk mengemukakan soalan dalam masalah agama.  
3) Guru perlu mengulangi jawapan untuk memahamkan orang yang bertanya.  
4) Pelajar yang pintar akan (membantu) memahamkan orang yang bertanya tentang penerangan guru tersebut semasa ia mendengarnya.

S- Siapakah wanita yang bertanya dalam hadis tersebut ?

J- wanita yang bertanya dalam hadis tersebut ialah Asma' binti Syakl, pendapat lain mengatakan namanya Asma' binti Yazid bin Sakn al Ansoriyah.

S- Apakah sebab nabi saw berkata : "Subhanallah" ?

J- Sebab nabi saw berkata : "Subhanallah" ialah kerana merasa hairan perkara tersebut tidak diketahui oleh wanita yang bertanya itu.

S- Kenapa Aisyah r.a menarik wanita itu ke arahnya?

J- Untuk memahamkan wanita yang bertanya itu tentang kata-kata nabi saw sehinggalah ia memahaminya iaitu melalukan wangian di tempat laluan darah haid yang berada dalam kemaluan.

S- Sebutkan dua keindahan akhlak nabi saw dalam hadis tersebut.

- J- 1) Amat santunnya baginda saw  
2) Amat pemalunnya baginda saw.

س- ما المراد بـ " المسك " في قوله ﷺ " خذي فرصة من مسك "؟

- ج- ١- اذا قرئت بكسر الميم بمعنى دم الغزال  
٢- واذا قرئت بالفتح بمعنى الجلد ( بعض الرواية)  
٣- والمعنى صحيح بنقل أئمة اللغة ورجح النووي قرئت بالكسر.

س- أذكر آداب المعلم والطالب في طلب العلم كما تفهم من الحديث.

- ج- ١- يستحب للمعلم الاتيان بأسلوب الكناية بالاجابة على الأمور المستورة.  
٢- لا يجوز لأحد أن يستحيي من تقديم السؤال في مسألة من مسائل الدين.  
٣- على المعلم أن يكرر الجواب لافهام السائل.  
٤- ان للطالب الحاذق تفهيم السائل كلام الشيخ وهو يسمع.

س- من المرأة السائلة في الحديث؟

ج- المرأة السائلة في الحديث هي أسماء بنت شكل, وقيل: أسماء بنت يزيد بن السكن الأنصارية.

س- ما السبب لقوله ﷺ " سبحان الله "؟

ج- السبب لقوله ﷺ " سبحان الله " متعجبا من خفاء ذلك على المرأة السائلة.

س- لماذا اجتذبت عائشة رضي الله عنها المرأة السائلة اليها؟

ج- لتفهيمت المرأة السائلة كلام رسول الله ﷺ حتى تفهم يعني الاتباع بالفرصة أثر الدم الكائن في الفرج.

س- أذكر اثنين من حسن خلق النبي ﷺ في الحديث؟

ج- ١- عظيم حلمه ٢- عظيم حياته

### Hadis 8

Daripada Aisyah r.a bahawa Um Habibah dan Um Salamah r.a bercerita tentang gereja yang kedua-duanya lihat di Habsyah, di dalamnya terdapat gambar-gambar. Lalu kedua-duanya menyebut (perkara tersebut) kepada nabi saw, maka baginda berkata: “*Mereka itu, apabila mati seorang yang baik di kalangan mereka lalu mereka bina kuburnya di masjid dan melukis gambar-gambar tersebut di masjid itu. Mereka adalah sejahat-jahat makhluk di sisi Allah swt pada hari Kiamat kelak*”.

### Huraian Hadis:

- Aisyah r.a meriwayatkan bahawa Um Habibah dan Um Salamah r.a – kedua-duanya adalah isteri nabi saw dan merupakan antara orang yang berhijrah ke Habsyah.
- Kedua-duanya menyebut kepada nabi saw tentang gereja (dan bersama mereka beberapa wanita lain) iaitu tempat sembahyang orang kristian dan gereja itu namanya “Mariah” yang mereka lihat di Habsyah dan di dalamnya terdapat patung-patung.
- Nabi saw berkata: “*Mereka itu, apabila mati seorang yang baik di kalangan mereka lalu mereka bina kuburnya di masjid dan mengukir patung-patung tersebut di masjid itu. Mereka adalah sejahat-jahat makhluk di sisi Allah swt pada hari Kiamat kelak*”.
- Orang-orang terdahulu di kalangan mereka melakukan sedemikian adalah untuk merasa tenang dengan melihat patung-patung tersebut dan mengingati keadaan orang soleh tersebut maka mereka akan berusaha seperti usaha orang soleh tersebut. Kemudian mereka meninggalkan selepas itu golongan yang jahil tentang maksud sebenar (mereka membuat patung-patung tersebut).
- Syaitan membisikkan kepada mereka bahawa orang-orang terdahulu menyembah patung-patung ini dan mengagungkannya, lalu mereka pun menyembahnya.
- Nabi saw memberi amaran tentang perkara seumpama ini sebagai penghalang daripada terjadinya sedemikian.

### Perbendaharaan kata:

*Kanisah* : tempat ibadat orang kristian

*Tasowir* : patung-patung.

### الحديث الثامن (ص: ١٩)

عن عائشة رضي الله عنها أن أم حبيبة وأم سلمة رضي الله عنهما ذكرتا كنيسة رأيتها بالحبيشة فيها تصاوير، فذكرتا ذلك للنبي صلى الله عليه وسلم فقال: إن أولئك إذا كان فيهم الرجل الصالح فمات بنو على قبره مسجدا وصوروا فيه تلك الصور، وأولئك شرار الخلق عند الله يوم القيامة.

### شرح الحديث:

- روت عائشة رضي الله عنها أن أم حبيبة وأم سلمة رضي الله عنهما - هما من أزواج النبي صلى الله عليه وسلم وكانتا ممن هاجر الى الحبيشة.
- ذكرتا كنيسة (وكان معهما غيرها من النسوة) أى معبد النصرى كانت تسمى " مارية" رايتها بالحبيشة الى النبي صلى الله عليه وسلم وفيها تماثيل.
- فقال النبي صلى الله عليه وسلم أن أولئك اذا مات الرجل الصالح منهم بنوا على قبره مسجدا وصوروا فيه تلك الصور وهم شرار الخلق عند الله يوم القيامة.
- وانما فعل ذلك سلفهم (اوائلهم) ليتأنسوا برؤية تلك الصور ويتذكروا أحوالهم الصالحة فيجتهدوا كاجتهادهم ثم خلف من بعدهم خلف جهلوا مرادهم.
- ووسوس لهم الشيطان ان أسلافهم كانوا يعبدون هذه الصور ويعظمونها فعبدوها.
- فحذر النبي صلى الله عليه وسلم عن مثل هذا سدا للذريعة المؤدية الى ذلك.

### معنى الكلمتين:

١ - كنيسة: أى معبد النصرى

٢ - تصاوير: أى تماثيل

## Panitia Syariah SMU(A) Meheliah

S- Siapakah Um Habibah dan Um Salamah ?

J- Um Habibah namanya Ramlah binti Abu Sufian bin Sakhr dan Um Salamah namanya Hind binti Abu Umaiyah, kedua-duanya adalah isteri nabi saw dan merupakan antara orang yang berhijrah ke Habsyah.

S- Kenapa orang-orang terdahulu mengukir patung-patung di masjid ?

J- Orang-orang terdahulu mengukir patung-patung di masjid adalah untuk merasa tenang dengan melihat patung-patung tersebut dan mengingati keadaan orang soleh tersebut maka mereka akan berusaha seperti usaha orang soleh tersebut.

S- Bagaimana Syaitan membisikkan dalam hati mereka sehingga generasi selepas mereka itu jahil tentang maksud sebenar patung tersebut ?

J- Syaitan membisikkan dalam hati mereka bahawa orang-orang terdahulu menyembah patung-patung ini dan mengagungkannya, lalu mereka pun menyembahnya.

S- kenapa nabi saw memberi amaran tentang perkara seumpama ini ?

J- Nabi saw memberi amaran tentang perkara seumpama ini sebagai penghalang (daripada terjadinya sedemikian).

S- Adakah termasuk dalam ancaman nabi saw itu bagi orang yang menjadikan masjid bersebelahan kubur orang soleh ? kenapa ?

J- Tidak termasuk dalam ancaman nabi saw itu bagi orang yang menjadikan masjid bersebelahan kubur orang soleh untuk mendapat berkat dengan berdamping bersamanya buka untuk mengagungkannya dan menggantungkan harapan padanya.

S- Nyatakan pengajaran daripada hadis ini ?

- J- 1) Dalam hadis ini terdapat dalil haramnya (membuat) patung.  
2) Di dalam hadis ini juga dibolehkan menceritakan perkara ajaib yang dilihat oleh orang Islam.  
3) Wajib menerangkan hokum tersebut bagi orang yang mengetahui dan mencela orang yang melakukan perkara haram.  
4) Perkara yang dinilai ialah mengikut syarak bukan dengan akal.  
5) Dalam hadis ini menerangkan tidak digalakkan solat di perkuburan sama ada bersebelahannya, di atasnya atau mengadapnya.

س- من هما أم حبيبة وأم سلمة؟

ج- أم حبيبة اسمها رملة بن أبي سفيان بن صخر وأم سلمة اسمها هند بنت أبي أمية وهما من أزواج النبي ﷺ وكانت ممن هاجر إلى الحبشة.

س- لماذا فعل سلفهم تلك الصور في المسجد؟

ج- فعل سلفهم تلك الصور في المسجد ليتأنسوا برؤيتها ويتذكروا أحوالهم الصالحة فيجتهدوا كاجتهادهم.

س- كيف وسوس لهم الشيطان في قلوبهم حتى خلف من بعدهم خلف جهلوا مرادهم؟

ج- وسوس لهم الشيطان في قلوبهم أن أسلافهم كانوا يعبدون تلك الصور ويعظمونها فعبدوها.

س- لماذا حذر الرسول ﷺ عن مثل هذا؟

ج- حذر الرسول الله ﷺ عن مثل هذا سدا للذريعة.

س- هل يدخل في الوعيد المذكور لمن اتخذ مسجدا في جوار صالح؟ ولماذا؟

ج- لا يدخل في الوعيد المذكور لمن اتخذ مسجدا في جوار صالح لقصد التبرك بالقرب منه لا للتعظيم له ولا للتوجه نحوه.

س- أذكر ماذا يؤخذ من الحديث/ ما تفهم من الحديث

ج- ١- في الحديث دليل على تحريم التصوير.

٢- وفي الحديث جواز حكاية ما يشاهده المؤمن من العجائب.

٣- ووجوب بيان حكم ذلك على العالم به وذم فاعل المحرمات.

٤- وأن الاعتبار في الأحكام بالشرع لا بالعقل.

٥- وفيه كراهية الصلاة في المقابر سواء كانت يجنب القرب أو عليه أو اليه.

### Hadis 10

Daripada Abu Hurairah ra, bahawa Rasulullah saw bersabda: puasa itu perisai, maka janganlah bercakap kotor, dan melakukan perkara sia-sia. Sekiranya seseorang itu memerangnya atau memakinya, maka hendaklah ia berkata: sesungguhnya aku ini berpuasa (diulang 2 kali),. Demi nyawaku di tanganNya, sesungguhnya bau mulut orang yang berpuasa itu di sisi Allah lebih harum baunya dari kasturi. Ia meninggalkan makan dan minum serta syahwatnya keranaKu. Puasa itu milik aku dan aku yang akan membalasnya. Satu kebaikan itu digandakan 10 kali ganda.

### Huraian Hadis :

Rasulullah saw menjelaskan dalam hadis ini bahawa ibadat puasa ialah pelindung dan penghalang daripada maksiat kerana ia menundukkan dan melemahkan nafsu syahwat. Pendapat lain mengatakan: puasa itu pelindung daripada api neraka kerana ia menahan nafsu sedangkan neraka itu di penuh dengan nafsu. Janganlah bercakap kotor dan janganlah melakukan perbuatan orang bodoh seperti memekit dan menghina atau memperbodohkan seseorang. Sekiranya seseorang itu bersengketa dan berkelahi dengannya maka hendaklah berkata : sesungguhnya saya berpuasa (2X). Apabila seseorang itu berkata sedemikian maka ia dapat mengawal dirinya. Jika tidak maka lakukan perkara yang ringan daripada itu. Nabi saw bersumpah dengan nyawanya bahawa perubahan bau mulut orang berpuasa kerana kosong perutnya daripada makanan itu lebih harum di sisi Allah swt daripada bau kasturi di akhirat yang mana orang berpuasa itu meninggalkan makan, minum dan nafsu sexnya kerana Allah swt. Puasa itu milik Allah, dan Allah sendiri akan membalasnya tanpa had hitungan. Kebaikan dari setiap amalan digandakan pahalanya 10 kali ganda sehingga 700 kali ganda.

### Perbendaharaan kata :

[جنة] : Pelindung dan penghalang

[لا يرفث] : Janganlah bercakap kotor

[لا يجهل] : Janganlah lakukan perbuatan orang bodoh (seperti memekik, menghina atau memperbodohkan seseorang)

[قاتله] : Melawan dan bertengkar dengannya

### الحديث العاشر (ص ٤٢)

عن أبي هريرة رضي الله عنه أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال : الصيام جنة فلا يرفث ، ولا يجهل ، وان امرؤ قاتله أو شاتمته فليقل : إني صائم - مرتين - ، والذي نفسي بيده لخوف فم الصائم أطيب عند الله من ريح المسك . يترك طعامه وشرابه وشهوته من أجلي ، الصيام لي وأنا أجزى به ، والحسنة بعشر أمثالها .

### شرح الحديث

- بين الرسول (ص) في هاذ الحديث ان الصيام وقاية وسترة من المعاصي لأنه يكسر الشهوة ويضعفها ، وقيل أنه وقاية من النار لأنه امسك عن الشهوة والنار محفوفة بالشهوات. فلا يفحش في الكلام ولا يفعل فعل الجهال كالصياح والسخرية أو يسفه على أحد. وان امرؤ دافعه ونازعه فليقل : إني صائم مرتين ، فانه اذا قال كذلك أمكن أن يكف نفسه عنه وإلا دفعه بالأخف ، وقسم النبي (ص) بنفسه أن تغير رائحة فم الصائم لخلاً معدته من الطعام اطيب عند الله من ريح المسك في الآخرة حيث أن الصائم يترك طعامه وشرابه وشهوة الجماع من أجل الله تعالى . والصيام لله وأنه جزى صاحبه به من غير عدد أو حساب. والحسنة من سائر الأعمال بعشر أمثالها الى سبعمائة ضعف.

### (١) هات معاني الكلمات الآتية :

١- جنة : وقاية وسترة

٢- لا يرفث : لا يفحش في الكلام

٣- لا يجهل : لا يفعل فعل الجهال (كالصياح والسخرية أو يسفه على أحد)

٤- قاتله : دافعه ونازعه



[فليقل] : Dengan lidah, hati atau dengan kedua-duanya

[شهوته] : Nafsu seks

[الصيام لي] : (puasa itu milik Aku) di antara semua amalan

[والحسنة] : (kebaikan) dari setiap amalan

S- Apakah maksud [الصيام جنة] yang terdapat dalam hadis ini? Kenapa?

J- Maksud [الصيام جنة] :

- 1- Perisai atau pelindung dari maksiat kerana menunduk dan melemahkan nafsu .
- 2- Perisai daripada api neraka kerana ia menahan nafsunya sedangkan neraka itu dikelilingi dengan nafsu.

S - Kenapa orang yang berpuasa perlu berkata kepada seseorang yang ingin membunuh atau mencelanya dengan lidah, hati atau kedua-duanya : “sesungguhnya aku berpuasa” sebanyak dua kali?

J - orang yang berpuasa perlu berkata kepada seseorang yang ingin membunuh atau mencelanya :

- 1- dengan lidahnya untuk menghalangnya kerana takut melanggar kehormatan puasa jika ia terselamat daripada sifat riyak
- 2- dengan hatinya untuk menghalang (jiwanya) daripada menjawab celaan pencaci.
- 3- atau kedua-duanya – ini adalah lebih baik.

S - Apakah yang anda jawab kepada orang yang berpandangan jika puasa itu puasa Ramadhan maka hendaklah ia berkata dengan lidahnya dan jika puasa lain maka hendaklah ia kata dalam hati “sya berpuasa” dua kali.

J - Jawapan saya apabila ada yang berkata sedemikian sekiranya ia boleh menahan dirinya dan sekiranya tidak boleh maka tolaknya dengan perkara yang lebih ringan.

٥- فليقل : بلسانه أو بقلبه أو بهما معا

٦- شهوته : أي شهوة الجماع

٧- الصيام لي : أي من بين سائر الأعمال

٨- والحسنة : أي من سائر الأعمال

٢) ما المقصود أن "الصيام جنة" كما في الحديث ولماذا ؟

ج- المقصود ان "الصيام جنة" :

١- جنة أو وقاية من المعاصي - لأنه يكسر الشهوة ويضعفها

٢- جنة من النار - لأنه امسك عن الشهوات والنار محفوفة بالشهوات

٣) لماذا ينبغي على الصائم ان يقول للمرء الذي يريد قتله أو شتمه بلسانه أو بقلبه أو

بهما معا "اني صائم" مرتين ؟

ج- ينبغي على الصائم أن يقول للمرء الذي يريد قتله أو شتمه :

١- بلسانه - لِيَتَنَكَّفَ عنه خوفا من انتهاك حرمة الصيام ان أمن من الرياء

٢- او بقلبه - لِيَتَنَكَّفَ عن جواب المشائمة

٣- أو بهما معا - وهو أولى

٤) ماذا تجيب لمن قال ان كان الصوم صوم رمضان فليقل بلسانه وان كان غيره فليقل

في نفسه "اني صائم" مرتين؟

ج- أجب اذا قال ذلك أمكن أن يكف نفسه عنه والا دفعه بالأخف

S - Apa maksud "bau mulut orang berpuasa" dalam hadis tersebut?

J - maksud "bau mulut orang berpuasa" dalam hadis ini ialah perubahan bau mulut orang berpuasa kerana kosong perutnya tanpa makanan.

S - Segelintir manusia menimbulkan kemusykilan tentang Allah itu maha suci daripada rasa seronok mencium bauan harum dan rasa jijik dengan bauan busuk kerana perkara tersebut adalah sifat binatang. Bagaimana jawapan anda pada kemusykilan ini?

J - Jawapan saya, ini bentuk kiasan dan metafora kerana kebiasaan kita rasa dekat dengan bauan harum maka digunakan juga perkara tersebut untuk mendekatkannya dengan Allah swt.

S - Apakah jawapan anda kepada orang yang berkata: kenapa bau mulut orang yang berpuasa lebih harum di sisi Allah berbanding bau kasturi manakala darah orang syahid baunya adalah bau kasturi sedangkan syahid itu membahayakan nyawa dan sanggup mengorbankannya?

J - Jawapan saya bahawa kesan puasa itu lebih baik daripada kesan syahid kerana :

1- puasa adalah salah satu rukun Islam yang dijelaskan oleh nabi saw : Islam diasaskan di atas lim perkara ...".

2- jihad adalah fardu kifayah manakala puasa adalah fardu ain. Fardu ain itu lebih baik daripada fardu kifayah mengikut pendapat yang tepat.

S - Apa maksud puasa dalam hadis ini?

J - Maksud puasa di sini ialah puasa yang tidak disertai maksiat. Jika tidak maka tiadalah keistimewaan puasa tersebut bahkan pahala puasanya berkurangan sekalipun terlepas dari tuntutan syarak.

٥) ما المقصود " خلوف فم الصيام " في الحديث المذكور ؟

ج- المقصود " لَخُوفُ فَمِ الصِّيَامِ " فِي الْحَدِيثِ أَي تَغْيِيرُ رَائِحَةِ فَمِ الصَّائِمِ لِخَلَاءِ مَعْدَتِهِ مِنَ الطَّعَامِ .

٦) استشكل بعض الناس من جهة ان الله تعالى منزه عن استطابة الروائح الطيبة واستقذار الروائح الخبيثة فان ذلك من صفات الحيوان , كيف تجيب على هذا الاشكال ؟

ج- أجيب بانه مجاز واستعارة لأنه جرت عادتنا بتقريب الروائح الطيبة فاستعير ذلك لتقريبه من الله تعالى.

٧) ما ذ تجيب لمن قال " لم كان خلوف فم الصائم أطيب عند الله من ريح المسك ودم الشهيد ريحه ریح المسك مع ما فيه من المخاطرة بالنفس وبذل الروح " ؟

ج- أجيب بأنه انما كان أثر الصوم أطيب من أثر الجهاد :

١- لأن الصوم احد أركان الاسلام المشار اليه بقوله عليه الصلاة والسلام " بني الاسلام على خمس "

٢- وبأن الجهاد فرض كفاية والصوم فرض عين . وفرض العين أفضل من فرض الكفاية على الراجح .

٨) ما المراد بالصيام كما في الحديث ؟

ج- المراد بالصيام هنا السالم من مصاحبة المعاصي له والا فليس له هذه المزية بل ينقص ثوابه وان خرج به عن عهدته طلب الشارع .

*S - Mengumpat dibenarkan pada beberapa tempat. Sebut dua daripadanya.*

J - 1- ketika dizalimi

2- ketika minta fatwa

*S - Puasa ada tiga tahap. Sebutkan ketiga-tiga tahap itu serta huraikan secara ringkas.*

J -

1- tahap puasa paling rendah – hanya menahan daripada perkara yang membatalkan puasa.

2- tahap pertengahan – disertakan dengan menahan anggota badan daripada dosa.

3- tahap yang paling tinggi – disertakan dengan menahan hati daripada sifat was-was.

٩) الغيبة تباح في مواضعه كثيرة , أذكر اثنين منها .

ج - ١ - التظلم

٢ - الاستفتاء

١٠) الصوم له درجات ثلاثة , أذكر هذه الدرجات الثلاثة مع بيانها الايجاز.

ج - ١ - أدني درجات الصوم - الاقتصار على الكف عن المفطرات

٢ - وأوسطها - أن يضم اليه كف الجوارح عن الجرائم

٣ - وأعلها - أن يضم اليه كف القلب عن الوسوس .

Daripada Aisyah r.ha iaitu isteri nabi saw: bahawa nabi saw berdoa dalam solat (semasa duduk tsyahud akhir) : Ya Allah aku berlindung dengan Engkau dari azab kubur, fitnah Dajjal, fitnah kehidupan dan kematian. Aku juga berlindung dengan Engkau ya Allah dari dosa dan hutang. Seseorang berkata kepada baginda: terlalu banyak kamu memohon perlindungan daripada berhutang. Baginda berkata: sesungguhnya seseorang itu apabila ia berhutang ia akan berdusta apabila bercakap dan mungkir janji apabila berjanji.

Perbendaharaan kata:

[الدجال] : pendusta

[فتنة المحيا] : fitnah (ujian) yang dihadapi oleh manusia sepanjang hidupnya / ujian di dunia , syahwat (keinginan nafsu) dan kejahilan.

[فتنة الممات] : sesuatu yang diuji ketika kematian tentang kesudahannya / atau fitnah kubur

[المأثم] : perkara dosa yang dilakukan oleh manusia / dosa dirinya.

[المغرم] : hutang pada perkara yang tidak dibenarkan atau pada perkara yang dibenarkan kemudian ia tidak mampu melunaskannya.

S – Apakah maksud kata-kata nabi saw?

1) “Aku berlindung dengan Engkau dari fitnah kehidupan”

J- Berlindung dengan Allah swt dari ujian dunia , syahwat (keinginan nafsu) dan kejahilan yang dihadapi manusia sepanjang kehidupannya

## الحديث الثاني عشر(ص ٢٧)

عن عائشة زوج النبي ﷺ ورواه: أن النبي صلى الله عليه وسلم كان يدعو في الصلاة: اللهم أعوذ بك من عذاب القبر, وأعوذ بك من فتنة المسيح الدجال , وأعوذ بك من فتنة المحيا والممات, اللهم اني أعوذ بك من المأثم و المغرم, فقال له قائل : ما أكثر ما تستعيد من المغرم , فقال : ان الرجل اذا غرم حدث فكذب , ووعد فأخلف.

س ١) هات معاني الكلمات الآتية:

١- الدجال : الكذب

٢- فتنة المحيا: ما يعرض للانسان مدة حياته من الافتتان / أي الابتلاء بالدنيا والشهوات والجهالات

٣- فتنة الممات : ما يفتن به عند الموت في أمر الخاتمة/ أو فتنة القبر.

٤- المأثم: ما يآثم به الانسان أو الاثم نفسه.

٥- المغرم : أي الدين فيما لا يجوز أو فيما يجوز ثم يعجز عن ادائه.

س ٢) ما المقصود بقوله ﷺ:

١- "وأعوذ بك من فتنة المحيا "

ج- الاستعاذة بالله مما يعرض للانسان مدة حياته من الابتلاء بالدنيا والشهوات والجهالات.

2) “Aku berlindung dengan Engkau dari fitnah kematian”

J- Berlindung dengan Allah swt dari sesuatu yang diuji ketika kematian tentang kesudahannya (sama ada baik atau buruk) atau dari fitnah kubur

3) “Aku juga berlindung dengan Engkau ya Allah dari dosa”

J- Berlindung dengan Allah swt dari perkara dosa yang dilakukan oleh manusia / dosa dirinya.

4) “Sesungguhnya seseorang itu apabila ia berhutang ia akan berdusta apabila bercakap”

J- Seseorang itu memerlukan sesuatu untuk menjelaskan hutangnya tetapi ia tidak melakukan sedemikian.

S – Kenapa dikaitkan al Masih dengan Dajjal ?

J - dikaitkan *al Masih* dengan *Dajjal* adalah untuk membezakan dengan nabi Isa bin Maryam a.s

S – Kenapa dinamakan Dajjal dengan *khalt* (mencampur aduk) dan *masih* (yang menghilangkan / dihilangkan) ?

J - Dinamakan Dajjal dengan *khalt* (mencampur aduk) kerana banyak mencampur aduk kebatilan dengan kebenaran.

dan dinamakan Dajjal dengan *masih* (yang menghilangkan / dihilangkan) kerana :

i) salah satu matanya dihilangkan kerana :

ii) ia menghilangkan kehijauan bumi (mematikan bumi) dalam beberapa hari.

iii) kebaikan dihilangkan daripadanya dan ia sentiasa melakukan kesesatan.

٢- "... فتنة الممات "

ج- الاستعاذة بالله مما يفتن به عند الموت في أمر الخاتمة أو فتنة القبر.

٣- "اللهم اني أعوذ بك من المأثم"

ج- أى ما يأتهم به الانسان أو الاثم بنفسه

٤- "ان الرجل اذا غرم حدث فكذب "

ج- بأن يحتاج بشيء في وفاء ما عليه ولم يقم به.

س٣) لماذا قيد المسيح بالدجال ؟

ج- قيد المسيح بالدجال ليتمتاذ عن عيسى ابن مريم عليه سلام.

س٤) لماذا سمي الدجال بالخلط و المسيح؟

ج- سمي الدجال بالخلط لكثرة خلطه الباطل بالحق.

وسمي الدجال بالمسيح :

١- لأن احدى عينيه ممسوحة

٢- لأنه يمسح الأرض أي يقطعها في أيام معدودة

٣- لأن الخير مسح منه فهو مسيح الضلال

*S - Apakah tujuan nabi saw berlindung daripada fitnah Dajjal sedangkan yang pastinya baginda tidak berjumpa dengannya?*

- kenapa nabi saw memohon perlindungan tersebut?

J – Tujuan nabi saw berlindung daripada fitnah Dajjal sedangkan yang pastinya baginda tidak berjumpa dengannya adalah untuk mengajar umatnya agar menyebarkan berita tersebut di kalangan mereka dari satu generasi ke generasi seterusnya bahawa Dajjal adalah pendusta, sesat yang melakukan kerosakan di muka bumi sehingga tidak kesamaran lagi kekufurannya ketika keluarnya nanti bagi orang yang bertemu dengannya.

*S – Kenapa disandarkan fitnah itu kepada kematian ?*

J - Disandarkan fitnah itu kepada kematian kerana hampirnya fitnah itu dengan kematian.

*S – Bilakah nabi saw berdoa dengan doa ini dalam solat seperti hadis riwayat Aisyah r.ha?.*

J - Nabi saw berdoa dengan doa ini dalam solat selepas (membaca) tasyahud sebelum (memberi) salam.

*S – Apakah hutang yang dimaksudkan dalam doa perlindungan dan hutang yang tidak diminta berlindung daripadanya ?*

J - Hutang yang dimohonkan perlindungan Allah swt daripadanya ialah hutang pada perkara yang tidak diharuskan atau pada perkara yang harus kemudian tidak mampu untuk membayarnya.

- Hutang yang dimohonkan perlindungan Allah swt daripadanya ialah hutang yang diperlukannya dan ia mampu melunaskannya (namun tidak menjelaskannya).

س ٥) ما هي الغاية التي استعاذ عليه الصلاة والسلام من فتنة الدجال مع تحقيق عدم ادراكه به/ لماذا استعاذ عليه الصلاة والسلام....

ج- الغاية/ الغرض التي استعاذ عليه الصلاة والسلام من فتنة المسيح مع تحقيق عدم ادراكه به تعليماً لأئمة لينشر خبره بينهم جيلاً بعد جيل بأنه كذاب مبطل ساع على وجه الأرض بالفساد حتى لا يلتبس كفره عند خروجه على من أدركه.

س ٦) لماذا أضيفت الفتنة الى الممات؟

ج- أضيفت اليه لقرنها منه.

س ٧) متى كان النبي صلي الله عليه وسلم يدعو في الصلاة بهذا الدعاء كما روت عائشة رضي الله عنها؟

ج- كان النبي صلى الله عليه وسلم يدعو في الصلاة بهذا الدعاء بعد التشهد قبل السلام.

س ٨) ما الدين الذي يراد الاستعاذة منه ولا يراد الاستعاذة منه؟

ج- الدين الذي يراد الاستعاذة بالله منه هو الدين فيما لا يجوز أو فيما يجوز ثم يعجز عن ادائه

- والدين الذي لا يراد الاستعاذة بالله منه هو الدين احتاجه وهو قادر على ادائه.

## Panitia Syariah SMU(A) Meheliah

*S – Ke manakah kembalinya hak (yang wajib ditunaikan) orang yang berdosa dan orang yang berhutang ?*

J - Orang yang berdosa itu adalah hak Allah swt dan orang yang berhutang itu adalah hak manusia.

*S – Terangkan sebab nabi saw banyak mohon perlindungan daripada berhutang ?*

J - Sebab nabi saw banyak mohon perlindungan daripada berhutang adalah untuk mengajar umatnya. Ini kerana apabila manusia berhutang dan ia tidak membayar hutangnya pada masa yang ditetapkan sehingga menyebabkan ia menyalahi janjinya dan orang yang memungkiri janji adalah sifat orang munafik.

*S – Nyatakan sebab lahirnya doa ini daripada nabi saw sedangkan baginda adala ma'sum (terpelihara daripada dosa) ?*

J – i) untuk mengajar umatnya.

ii) baginda melakukannya sebagai merendah diri.

iii) menahirkan sifat kehambaan.

iv) sentiasa takutkan Allah dan memohon kepadaNya.

س٩) الى أين يعود حق المأثم والمغرم؟

ج-المأثم هو حق الله تعالى والمغرم هو العباد.

س١٠) بين السبب في كثرة استعاذته ﷺ من المغرم؟

ج-السبب في كثرة استعاذته ﷺ من المغرم لتعليم لأمته لأن الانسان اذا غرم لم يوف ديونه في يوم محدد حتى صار مخلفا لوعده وخلف الوعد من صفات المنافقين.

س١١) أذكر الأسباب صدر هذا الدعاء من النبي ﷺ وهو معصوم.

١- على سبيل تعليم لأمته.

٢- أنه سلك به طريق التواضع.

٣- اظهار العبودية.

٤- والتزم خوف الله تعالى و الافتقار اليه.

### Hadis ke 15

Daripada Anas bin Malik r.a berkata : nabi saw masuk ke masjid maka terdapat tali panjang di antara dua tiang. Baginda bertanya : tali apakah ini?. Para sahabat menjawab: tali ini milik Zainab. Apabila ia letih (beribadat) maka ia bergantung pada tali ini. Nabi saw berkata: Tidak betul, rungaikan tali ini. Hendaklah seseorang kamu solat ketika ia cergas / kuat. Apabila letih maka berehatlah.

### Huraian Hadis

- Anas bin Malik meriwayatkan bahawa nabi saw masuk ke masjid pada suatu hari lalu baginda melihat tali panjang di antara dua tiang yang mana para sahabat telah mengetahui perkara tersebut.

- Rasulullah saw bertanya tentang tali tersebut. Para sahabat yang hadir berkata ini tali milik Zainab binti Jahsin r.ha. apabila dia penat (malas) untuk bangun maka dia bergantung pada tali tersebut.

- Nabi saw tidak suka perkara tersebut kerana bimbang akan menimbulkan rasa jemu yang membawa kepada meninggalkan ibadat

Larangan beribadat secara berlebih-lebihan (sehingga membebankan diri).

Perintah melakukan ibadat ketika badan cergas / kuat seperti sabda baginda saw : “Hendaklah seseorang kamu solat ketika ia cergas / kuat. Apabila letih maka berehatlah”.

### Perbendaharaan kata

[الساريتين] : dua tiang

[فترت] : malas untuk berdiri

[نشاطه] : masa / tempoh badan masih cergas

### الحديث الخامس عشر (ص ٣٣)

عن أنس بن مالك رضي الله عنه قال: دخل النبي صلى الله عليه وسلم فإذا حبل ممدود بين الساريتين فقال: ما هذا الحبل؟ قالوا: هذا حبل لزينب فإذا فترت تعلقت به. فقال النبي صلى الله عليه وسلم: لا، حلوه. ليصل أحدكم نشاطه، فإذا فتر فليقعده.

### شرح الحديث

- روى أنس بن مالك رضي الله عنه ان رسول الله صلى الله عليه وسلم دخل المسجد ذات يوم فرأى حبلًا ممدودًا بين الأسطوانتين المعهودتين عندهم

- فسألهم الرسول صلى الله عليه وسلم عن هذا الحبل فقال الحاضرون من الصحابة ان هذا الحبل لزينب بنت جحش أم المؤمنين . رضي الله عنها فاذا فترت يعني كسلت عن القيام تعلقت به

- فيكره النبي صلى الله عليه وسلم ذلك خشية الملل المفضى إلى ترك العبادة والنهي فيها عن التعمق

والأمر عليها بالاقبال بنشاط كما في قوله : ليصل أحدكم نشاطه فاذا فتر فليقعده

س ١) هات معاني الكلمات الآتية:

١- الساريتين : الأسطوانتي

٢- فترت : اي كسلت عن القيام

٣- نشاطه : وقت او مدة نشاطه



S – Siapakah yang dimaksudkan dengan Zainab dalam hadis ini ?

J – Beliau ialah Zainab binti Jahsyi, Ummul Mukminin r.ha

S – apakah maksud kata-kata nabi saw :

1) [ليصل احدكم نشاطه]

- Hendaklah seseorang itu solat ketika badannya masih cergas.
- Seseorang itu hendaklah solat dengan penuh keinginan dan perasaan kerana ia sedang bermunajat pada tuhan. Maka tidak boleh bermunajat ketika ia jemu / malas.

2) [فاذا فتر فليقعد]

- Apabila rasa kurang semangat selepas melakukan ibadat sunat secara berdiri maka lakukanlah secara duduk untuk menyempurnakan ibadat sunat secara duduk.

(dibolehkan mulakan solat dengan cara berdiri dan duduk di pertengahannya)

- Atau duduk dan berhenti terus daripada melakukan solat sunat sehingga badannya kembali cergas / bertenaga.

(dengan meninggalkan ibadat sunat yang ia ingin lakukannya)

- Atau apabila rasa jemu selepas melakukannya maka bolehlah ia berhenti.

(boleh berhenti dari ibadat sunat selepas melakukannya)

س ٢) من المقصود "زينب" في هذا الحديث؟

ج- هي زينب بنت جحش ام المؤمنون ﷺ

س ٣) ما المراد بقوله صلى الله عليه وسلم :

١- " ليصل احدكم نشاطه " ؟

ج- ليصل احدكم وقت نشاطه

- أو ليصل الرجل عن كمال الارادة والذوق فانه في مناجاة ربه فلا يجوز له المناجاة عند الملل

٢- " فاذا فتر فليقعد " ؟

ج- واذا فتر بعد فعل النوافل قائما وسلامه منه فليقعد لايقاع ما بقي من نوافله قاعدا

( جواز افتتاح الصلاة قائما والقعود في اثائها )

- أو فليقعد ويترك بقية النوافل جملة الى أن يحدث له نشاطه

( بترك ما كان عزم عليه من التنفل )

- أو إذا فتر بعد الدخول فيها فليقطعها

( جواز قطع النافلة بعد الدخول فيها )

*S - Terangkan apakah yang anda faham dari hadis ini*

J – i) Galakan kesederhanaan dalam ibadat. Larangan berlebih-lebihan dalam ibadat (sehingga membebankan diri). Perintah supaya melakukan ibadat ketika badan masih cergas.

ii) Menghilangkan kemungkaran dengan tangan dan lidah

iii) Wanita boleh melakukan ibadat sunat di dalam masjid.

iv) Hadis ini menjadi dalil larangan bergantung pada tali ketika solat.

س٣) بين ماذا تفهم من الحديث

ج-

١- الحث على الاقتصاد في العبادة والنهي عن التعمق فيها والامر بالاقبال عليها بنشاط.

٢- ازالة المنكر باليد واللسان

٣- جواز تنفل النساء في المسجد

٤- واستدل به على كراهة التعلق في الحبل في الصلاة

Hadis 18

Daripada Abu Hurairah r.a berkata: Rasulullah saw bersabda : “Siapa yang dikurniakan harta oleh Allah namun tidak ditunaikan zakatnya, akan dijadikan harta itu untuknya pada hari kiamat sebagai seekor ular yang licin/botak kepalanya dan mempunyai dua taring. Ular itu akan membelit lehernya, kemudian menggigit kedua rahangnya serta berkata; “Akulah harta kamu. Akulah harta yang kamu simpan”. Kemudian baginda membaca : Sekali-kali janganlah orang-orang yang bakhil dengan harta yang Allah berikan kepada mereka dari karunia-Nya menyangka, bahwa kebakhilan itu baik bagi mereka.”.al Imran : 180

**Perbendaharaan kata :**

[آتاه] : mengurniakannya

[مثل له] : dijadikan harta tidak dibayar zakat itu seekor ular.

[شجاعا] : ular jantan / yang terhasil dari dosanya. Ia sejenis ular yang paling bias dan menakutkan.

[أقرع] : tiada rambut di kepalanya kerana banyak bias dan panjang usianya.

[زبيبتان] : dua taring di kedua rahangnya / dua titik hitam di atas matanya

[يطوقه] : yang melilit di lehernya

[شذقيه] : sebelah tepi mulut (rahang)

S – Apakah tujuan daripada kata-kata ular itu kepada orang yang enggan membayar zakat : “Akulah harta kamu. Akulah harta yang kamu simpan” ?.

J – ular berkata sedemikian adalah satu sindiran untuk menambahkan lagi dukacitanya.

الحديث الثامن عشر (ص ٤٠)

عن أبي هريرة رضي الله عنه قال : قال رسول الله ﷺ : من أتاه الله مالا فلم يؤد زكاته مثل له يوم القيامة شجاعا أقرع له زبيبتان يطوقه يوم القيامة ثم يأخذ بلهزمتيه ، يعني بشذقيه ثم يقول : أنا مالك ، أنا كنزك ، ثم تلا (ولا يحسبن الله الذين يبخلون) الآية.

(١) هات معاني الكلمات الآتية :

١- آتاه : أعطاه

٢- مثل له : صور له ماله الذي لم يؤد زكاته

٣- شجاعا : الحية الذكر/ الذي يقوم على ذنبه، وهوأفحش ما يكون في الحيات وأخبثه.

٤- أقرع : أي لا شعر على رأسه لكثرة سمه وطول عمره

٥- زبيبتان : زبدتان في شذقيه / هما النكتتان السوداوان فوق عينيه

٦- يطوقه : أي يجعل طوقا في عنقه

٧- شذقيه : جانب الفم

(٢) ما هو الغرض من قول الشجاع لمعاني الزكاة بقوله : " أنا مالك أنا كنزك"؟

ج- يقول الشجاع كذلك تهكما به ليزداد تحسره

S – Apakah maksud firman Allah swt : [ولا يحسبن الذين يبخلون] ?

J – 1) dengan ganti nama diri ketiga , maksudnya : janganlah orang-orang bakhil itu menyangka kebakhilan mereka itu satu kebaikan untuk mereka.

2) dengan ganti nama diri kedua ; maksudnya : janganlah kamu wahai Muhammad menyangka kebakhilan orang-orang bakhil itu satu kebaikan untuk mereka.

S – Untu siapakah ditujukan ungapan : “Akulah harta kamu. Akulah harta yang kamu simpan” ?.

J – Ianya dituju kepada tuan harta.

S – Bagaimana Allah gambarkan ular di hari kiamat untuk orang yang tidak menunaikan zakat ?

J – Allah swt jadikan seekor ular jantan yang tiada rambut di kepalanya kerana banyak bias dan panjang usianya.

S – Kenapa Rasulullah saw menyuruh orang yang berharta agar menyucikan hartanya ?

J – kerana pada hartanya ada hak orang lain.

S – apa hokum orang yang tidak membayar zakat ?

J – Orang tersebut telah melakukan satu dosa besar.

S – Bagaimana kita dapat mengetahui bahawa ayat al Quran di dalam hadis tersebut diturunkan pada orang yang enggan membayar zakat ?

J – Ketika Rasulullah saw membaca ayat tersebut selepas hadis itu menunjukkan ayat itu diturunkan pada orang yang enggan membayar zakat. Inilah pendapat kebanyakan ahli tafsir.

٣) ما المراد بقوله تعالى : " ولا يحسبن الذين يبخلون " ؟

ج- ١- بالغيب :أي لا يحسبن الباخلون بخلهم خيرا لهم

٢- بالخطاب : أي لا تحسبن يا محمد بخل الذين يبخلون هو خيرا لهم

٤) لمن يخاطب قول: " أنا مالك أنا كنزك" ؟

ج- يخاطب لصاحب المال

٥) كيف يصور الله الشجاع يوم القيامة لمن لم يؤد الزكاة؟

ج- يصور بالحية الذكر لا شعر على رأسه لكثرة سمه وطول عمره

٦) لماذا أمر الرسول ﷺ لصاحب المال كي يزكي ماله؟

ج- لأن في ماله حق الغير

٧) ما حكم من لم يؤد الزكاة ؟

ج- فقد ارتكب كبيرة من الكبائر

٨) كيف نعرف أن الآ المذكورة في الحديث نزلت في معاني الزكاة؟

ج- عند تلاوة الرسول ﷺ الآية عقب ذلك, دلالة على أنها نزلت في معاني الزكاة, وعليه

أكثر المفسرين

Daripada Abu Said al Khudri r.a daripada Rasulullah saw berkata : Apabila orang mukmin terselamat dari api neraka, mereka ditahan di suatu tempat di antara syurga dan neraka. Lalu dibalas kezaliman yang berlaku di kalangan mereka di dunia sehinggalah mereka bersih dan suci, maka diizinkan mereka masuk ke syurga. Demi Allah, nyawa Muhammad saw di tangannya sesungguhnya tempat tinggal mereka itu lebih baik dari tempat tinggal di dunia.

Perbendaharaan kata:

[خلص]: mereka selamat

[من النار]: dari titian yang berada di atas neraka

[قنطرة]: Kawasan di antara syurga dan neraka iaitu titian yang kukuh.

[فيتقاصون]: Dikenakan balasan atas kezaliman antara mereka dan mengugurkan (hukuman) sebahagiannya dengan yang lain.

[نقوا]: Menyempurnakan hukuman qisas

[وهذبوا]: Menyucikan daripada dosa dengan hukuman balas antara mereka

[بمسكنه]: Rumah

[بيده]: Dengan kuasanya

S – Kenapa ditahan orang mukmin di satu kawasan selepas terselamat dari neraka ?

J – Untuk melaksanakan qisas atas kezaliman yang berlaku di kalangan mereka ketika hidup di dunia.

S – Bagaimana orang mukmin membalas kezaliman seperti yang disebut oleh Rasulullah saw : [فيتقاصون مظالم كانت بينهم في الدنيا] ?

J – Dikenakan hukuman atas kezaliman yang berlaku di antara mereka dan mengugurkan (hukuman itu) sebahagiannya dengan yang lain. Maka dibalas (diganti) kebaikan dengan kejahatan dan sebaliknya.

## الحديث الرابع والعشرون (ص ٥٥)

عن أبي سعيد الخدري رضي الله عنه عن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: إذا خُصَّ المؤمنون من النار، حبسوا بقنطرة بين الجنة والنار، فيتقاصون مظالم كانت بينهم في الدنيا. حتى إذا نقوا وهذبوا أذن لهم بدخول الجنة، فوالذي نفس محمد صلى الله عليه وسلم بيده لأحدهم بمسكنه في الجنة أدل بمسكنه كان في الدنيا.

### (١) هات معاني الكلمات الآتية:

١- خُصَّ : نجوا

٢- من النار : من الصراط المنصوب على النار

٣- قنطرة : كائنة بين الجنة والنار وهو الصراط المنصوب متن

٤- فيتقاصون : تتبع مابتنهم من المظالم واستقاط بعضها ببعض

٥- نقوا : أي اكملوا القصاص

٦- وهذبوا : خلصوا من الآثام بمقاصة بعضها ببعض

٧- بمسكنه : بمنزلة

٨- بيده : بقدرته

### (٢) لماذا جنس المؤمنون في القنطرة بعد نجاته من النار؟

ج- لطلب القصاص على ما جرى فيما بينهم من المظالم التي كانت بينهم في الدنيا

(٣) كيف يتقاص المؤمنون المظالم كما في قوله صلى الله عليه وسلم " فيتقاصون مظالم كانت بينهم في الدنيا"؟

ج- تتبع ما بينهم من المظالم واسقاط بعضها ببعض من أنواع المظالم في الدنيا فيتقاصون بالحسنات والسيئات

## Panitia Syariah SMU(A) Meheliah

S – Apakah yang dimaksudkan dengan kezaliman ?

J – maksud kezaliman ini ialah jenis kezaliman yang berkaitan dengan tubuh badan dan harta

S – Nyatakan empat jenis kezaliman.

- J – 1) kezaliman pada harta seperti mencuri dan merompak  
2) kezaliman pada badan seperti menyeksa dan membunuh  
3) kezaliman pada jiwa seperti melakukan maksiat  
4) kezaliman pada maruah seperti fitnah dan mengunpat

S – terangkan 3 kesan kezaliman terhadap masyarakat.

- J – 1) Masyarakat akan hidup dalam kebimbangan dan tidak tenteram  
2) berkembangnya jenayah dalam masyarakat  
3) tidak rahmat dan keberkatan dari Allah

S – Bagaimanakah keadaan rumah orang mukmin di syurga ?

J – ianya lebih baik daripada dunia dan isinya kerana di syurga tidak pernah mata melihat, telinga mendengar atau tidak terlintas di fikiran manusia (tentang nikmat syurga).

S – bagaimana ahli syurga mengetahui rumah mereka ?

J – dengan dipamerkan kepada mereka semasa di alam kubur di waktu pagi dan petang.

S – terangkan dua sebab berlakunya kezaliman di kalangan orang islam.

- J – 1) Kebencian dan Hasad dengki  
2) tamakkan harta dan kedudukan

٤) ما المراد بالمظلم؟

ج- المراد بالظالم أي أنواع المظالم المتعلقة بالأبدان والأموال

٥) اذكر أربعة من أنواع المظالم.

ج- ١- الظلم في الأموال كالغصب والسرقة

٢- الظلم في الأبدان كالتعذيب والقتل

٣- الظلم للنفس كارتكاب المعاصي

٤- الظلم في العرض كالفتنة والغيبة

٦) بين ثلاثة من آثار المظلم نحو المجتمع.

ج- ١) يعيش المجتمع في القلق والدهشة

٢) انتشار الجناية في المجتمع

٣) عدم الرحمة والبركة من الله.

٧) كيف تكون منازل المؤمنون في الجنة؟

ج- خير وأحسن من الدنيا وما فيها لأن في الجنة ما لا عين رأت أذن سمعت ولا خطر على

قلب بشر

٨) كيف يعرف أهل الجنة منازلهم؟

ج- بعرضها عليهم في البرزخ بالغداة والعشي

٩) بين سببين من أسباب حدوث الظلم بين المسلمين؟

ج- ١) الحقد والحسد

٢) الطمع في المال والمنصب

### Hadis 25

Daripada Nukman bin Basyir r.a daripada nabi saw berkata : “Perumpamaan orang yang teguh dalam menjalankan hukum-hukum Allah dan orang yang terjerumus di dalamnya adalah seperti sekelompok manusia yang membahagikan tempat mereka di atas kapal, sebahagiannya beradadi bahagian atas, dan sebahagian lain berada di bahagian bawah. Orang yang di bawah jika mereka memerlukan air , maka mereka perlu naik ke bahagian atas, lalu mereka berpendapat: “seandainya kita menebuk lubang di bawah ini, sudah tentu kita tidak akan mengganggu orang di bahagian atas?. Rasulullah saw berkata : sekiranya mereka yang berada di atas membiarkan orang di bawah (melubangi kapal) , nescaya binasalah semua orang yang ada di dalam kapal tersebut. Sekiranya mereka mencegahnya maka semuanya akan selamat”.

### Huraian hadis

- Menjelaskan tentang perumpamaan orang yang menjaga hokum-hukum Allah dan orang yang menjual agama dan melanggar batas-batas agama.
- Ia adalah seumpama manusia yang membahagikan tempat mereka di atas kapal setelah berlaku perbalahan di antara mereka dalam memilih tempat tinggal di atas kapal.
- Maka sebahagian mereka berada di bahagian atas dan sebahagian lagi di bahagian bawah.
- Orang yang berada di bahagian bawah akan meminta air daripada orang yang berada di atas. Permintaan tersebut akan menyusahkan orang yang berada di bahagian atas kapal.
- Kerana itulah mereka ini ingin menebuk kapal untuk mengambil air tetapi orang yang berada di bahagian atas menghalang tindakan yang bahaya itu maka selamatlah semuanya daripada tenggelam.

### الحديث الخامس والعشرون (ص ٥٧)

عن النعمان بن بشير رضي الله عنهما عن النبي ﷺ قال : مَثَلُ الْقَائِمِ فِي حُدُودِ اللَّهِ وَالْوَاقِعِ فِيهَا ، كَمَثَلِ قَوْمٍ اسْتَهَمُوا عَلَى سَفِينَةٍ ، فَأَصَابَ بَعْضُهُمْ أَعْلَاهَا ، وَبَعْضُهُمْ أَسْفَلَهَا ، فَكَانَ الَّذِي فِي أَسْفَلِهَا إِذَا اسْتَقْمُوا مِنَ الْمَاءِ مَرُّوا عَلَى مَنْ فَوْقَهُمْ ، فَقَالُوا : لَوْ أَنَا حَرَقْنَا فِي نَصِيبِنَا حَرْقًا وَلَمْ نُؤْذِ مَنْ فَوْقَنَا ؟ فَإِنْ تَرَكَوهُمْ وَمَا أَزَادُوا هَلْكَوَا وَهَلَكُوا جَمِيعًا ، وَإِنْ أَخَذُوا عَلَى أَيْدِيهِمْ نَجَّوْا وَنَجَّوْا جَمِيعًا

### شرح الحديث

- بيان عن مثل المحافظ لأحكام الله وشرائه ومن يتجاوزها
- كمثل أقوام اقتصروا على سفينة بعد حدوث التنازع بينهم في اختيار المقام فيها
- فصار بعضهم في أعلاها وبعضهم في أسفلها
- ويطلب ممن أسفلها الماء من فوقهم وهذا الطلب يتأذى من في أعلي السفينة.
- لذلك يريدون أن يجعلوا حرقا لأخذ الماء ولكن منع من أعلاها من الفعل الخطير ونجوا كلهم من الغرق.

**Perbendaharaan kata**

[استهموا] : mereka mengundi (pilihan tempat)

[لم نؤذ] : kami tidak ingin menyusahkan

S – Apakah maksud kata-kata nabi saw :

1- [القائم على حدود الله]

2- [الواقع فيها]

3- [على سفينة]

J -

1- Menjaga hokum Allah iaitu menyuruh perkara kebaikan dan menegah kemungkaran

2- Orang Meninggalkan hokum Allah dan melakukan kemungkaran.

3- Berkongsi di antara mereka membayar sewa atau memiliki dan mereka berselisih pada tempat tinggal sama ada di atas atau bawah.

S – Jelaskan tanggungjawab seorang muslim dalam menjaga masyarakat daripada kerosakan atau binasa.

J –

1) menyuruh perkara makruf dan mencegah perkaramungkar

2) membantu kerajaan Islam dalam menegakkan hokum Allah dan berdiri teguh di atasnya.

3) Mengambil berat dengan urusan dan kepentingan masyarakat.

١) هات معاني الكلمات الآتية:

١- استهموا : اقترعوا

ب- لم نؤذ : لم نضر

٢) ما المراد بقول الرسول ﷺ:

١- "القائم على حدود الله"؟

٢- "الواقع فيها"؟

٣- "على سفينة"؟

ج- ١- المراقب لها بأن يأمر بالمعروف وينهى عن المنكر

٢- التارك لحدود الله والمرتكب للمنكر

٣- مشتركة بينهم بالاجارة أو الملك وتنازعوا في المقام بما علوا أو سفلا

٣) وضح مسؤولية المسلم في حماية المجتمع من الفساد واهلاك.

ج- ١- الأمر بالمعروف والنهي عن المنكر

٢- معاونة الحكومة الاسلامية في اقامة الحدود وأقيمت عليه

٣- الاعتناء بشؤون ومصالح المجتمع





Panitia Syariah SMU(A) Meheliah

*S – apakah faedah menegakkan hokum Allah bagi kehidupan masyarakat ?*

J –

- 1) akan mendapat keselamatan bagi orang yang melaksanakannya dan berdiri teguh di atasnya.
- 2) jauh dari kejahatan dan kemungkaran
- 3) masyarakat hidup dalam keamanan dan kesejahteraan
- 4) melatih manusia redha dengan hokum Allah swt
- 5) melath manusia takut dengan hokum Allah swt

*S – apakah kesudahan orang yang meninggalkan melaksanakan hokum Allah.*

J –

- 1) masyarakat hidup dalam kerosakan dan kemusnahan
- 2) tersebarny gejala sosial
- 3) masyarakat hidup dalam kemurkaan Allah dan tidak mendapat rahmat daripadanya.
- 4) Tidak rasa takut dalam jiwa manusia untuk melakukan kemungkaran
- 5) manusia akan diseksa di akhirat kelak.

٤) ما فائدة اقامة الحدود للمجتمع؟

ج-١- تحصل بها النجاة لمن أقامها وأقيمت عليه

٢- البعد عن الفحشاء والمنكر

٣- يعيش المجتمع في الأمن والسلامة

٤- تدريب الانسان الرضى بأحكام الله

٥- تدريب الانسان الخشية بعذاب الله في الآخرة

٥) ما عاقبة من ترك اقامتها؟

ج-١- حياة المجتمع في الفساد والهلاك

٢- انتشار الانحلال الخلقي

٣- يعيش المجتمع في غضب الله وعدم الرحمة منه

٤- عدم الخشية والخوف في نفوس الناس لفعل المنكرات

٥- سيعاقب الانسان في الآخرة

Panitia Syariah SMU(A) Meheliah

*S – Apakah hokum bagi orang yang melihat kemungkaran dan ia tidak berusaha mengubahnya atau mengingkarinya ?*

J – orang yang diam terhadap kemungkaran sedangkan ia mampu untuk mengubahnya maka ia berdosa. Perintah ini mengikut kemampuan , sekiranya mampu dengan tangan maka ubahlah dengan tangan, jika tidak mampu maka ubahlah dengan lidah dan jika tidak mampu maka dengan hati dan in adalah selemah-lemah iman.

*S – Nyatakan dua perkara yang terpuji dapat diambil dari hadis ini.*

J –

1) wajib bersabar atas kejahatan jiran apabila bimbang berlaku perkara yang lebih buruk lagi.

2) dalam hadis ini menyatakan pembahagian bangunan yang berbeza tempatnya boleh dilakukan dengan undian

3) wajib melakukan usaha menyuruh perkara makruf dan menegah kemungkaran dalam masyarakat.

٦) ما الحكم لمن رأى منكرا وهو لا يقوم بتغييره أو انكاره؟

ج - الساكت عن المنكر مع أنه قادر على تغييره فهو آثم, فهذا الأمر على استطاع أن يغيره بيده فيكون تغييره بيده أو بقدرته, وان لم يستطع فبلسانه, وان لم يستطع فبقلمه, وهذا أضعف الايمان.

٧) اذكر اثنين من الأمور المحمودة المستفادة من الحديث.

ج-١- وجوب الصبر على أذى الجار اذا خشي وقوع ما هو أشد ضررا.

٢- فيه جواز قسمة العقار المتفاوت بالقرعة.

٣- وجوب القيام بالأمر بالمعروف والنهي عن المنكر في حياة المجتمع .

## HADIS 28

Daripada Abu Hurairah r.a berkata bahawa Rasulullah saw bersabda : Daripada Abu Hurairah r.a bahawa Rasulullah s.a.w bersabda: “Aku diutus dengan *Jawami’ al Kalim*<sup>1</sup>, Aku dibantu oleh Allah dengan dicampakkan rasa takut dalam tentera musuh. Ketika aku tidur, aku melihat bahawa aku diberi kunci-kunci khazanah dunia ini lalu diletakkannya di tanganku. Abu Hurairah berkata: “Sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah wafat sedangkan kamu memperolehi khazanahnya”.

### Perbendaharaan kata

[الرعب] : takut / bimbang

[تنتلونها] : kamu mengeluarkannya

S – apakah maksud sabda nabi saw : [جوامع الكلام] dan [خزائن الأرض] ?

J - [جوامع الكلام] ialah kata-kata yang ringkas lagi luas maknanya. Ini merangkumi al Quran dan Hadis.

[خزائن الأرض] ialah seperti harta perbendaharaan maharaja Kisra dan Qaisar atau galian bumi seperti emas dan perak.

S - Apakah yang ditunjukkan pada kata-kata Abu Hurairah r.a :

[وقد ذهب رسول الله (ص) وأنتم تنتلونها] ?

J – ianya menunjukkan bahawa Rasulullah saw akan wafat dan tidak meninggalkan apa-apa.

S – Nyatakan faedah jihad bagi umat Islam.

J – i) untuk menyebarkan agama

الحديث الثامن والعشرون (ص: ٦٣)

عن أبي هريرة رضي الله عنه قال: أن رسول الله ﷺ قال: بعثت بجوامع الكلم, ونصرت بالرعب, وبيننا أنا نائم, وأوتيت مفاتيح خزائن الأرض, فوضعت في يدي. قال أبو هريرة رضي الله عنه: وقد ذهب رسول الله ﷺ وأنتم تنتلونها.

(١) هات معني الكلمات الآتية :

i- الرعب : الخوف / الخشية

ii- تنتلونها : تستخرجونها

(٢) ما المراد بقول رسول الله (ص) "جوامع الكلام" و "خزائن الأرض" ؟

ج- "جوامع الكلام" الموجزة لفظا المتسعة معنى وهذا شامل للقرآن والسنة

- "خزائن الأرض" كخزائن كسرى وقصير أو معادن الأرض كالذهب والفضة .

(٣) ما الذي يشير إليه قول أبي هريرة رضي الله عنه "وقد ذهب رسول الله (ص) وأنتم تنتلونها" ؟

ج- يشير إلى أنه ﷺ توفي ولم ينل منها شيئا.

(٤) اذكر من فوائد الجهاد للأمة الاسلامية .

ج- i- لنشر دين الاسلام

<sup>1</sup> Ucapan yang ringkas dan padat isinya

Panitia Syariah SMU(A) Meheliah

- ii) menegakkan kalimah Allah
- iii) untuk memperolehi syahid
- iv) untuk mempertahankan agama dan Negara daripada musuh.

S – Terangkan dua sebab berjayanya nabi saw dalam dakwah dan jihak ?

J – i) bertawakkal dengan sebaiknya pada Allah swt

ii) berpegang pada Allah

iii) bersabar atas penindasan manusia

iv) pertolongan Allah mengalahkan musuh dengan menimbulkan ketakutan pada mereka dalam tempoh perjalanan sebulan.

S – terangkan dua faedah jihad kepada umat islam ?

J – i) mengalahkan musuh

ii) menanam rasa kasih sayang di antara saudara seagama

iii) mempertahankan umat Islam daripada kezaliman yang dilakukan oleh orang kafir.

iv) mengalakkan kebangkitan dan ketamadunan manusia bagi umat Islam

S – apakah maksud [فوضعت في يدي] ?

J – ianya adalah kiasan bagi janji Allah kepada baginda dengan menyebut apa yang diberikan kepada umatnya itu benar-benar berlaku.

ii) ungkapan ini mengikut makna zahirnya ialah khazanah rezeki alam yang pelbagai untuk dikeluarkan kepada mereka mengikut kadar yang mereka perlukan.

ii - لاعلاء كلمة الله

iii - للحصول على الشهادة

iv - لدفع الدين والدولة من الأعداء

٥) بين اثنين من اسباب نجاح النبي (ص) في الدعوة والجهاد ؟

ج - i - حسن التوكل على الله

ii - الاعتماد على الله

iii - الصبر على أذى القوم

iv - ونصره على الأعداء بالخوف ميسرة شهر

٦) بين اثنين من فوائد الجهاد للأمة الإسلامية؟

ج - النصر على الأعداء.

- غرس المحبة بين الإخوة المسلمين.

- الدفاع عن اعتداء الكافرين نحو الأمة الإسلامية من المظالم.

- الحث على النهضة والحضارة الانسانية للأمة الإسلامية.

٧) ما المراد ب " فوضعت في يدي " ؟

ج - i - أنه كناية عن وعده له بما ذكر أنه يعطيها أمته فوقه .

ii - أن ذلك على معنى ظاهر أي هي خزائن رزق أجناس العالم ليخرج لهم بقدر ما

يطلبون لذواتهم.

## Panitia Syariah SMU(A) Meheliah

S – Jelaskan pendapat ulamak tentang tempoh “perasaan takut yang berlaku kepada orang kafir” dalam kata-kata baginda saw : [ونصرت بالرعب].

J – i) dalam satu riwayat : tempohnya ialah kadar perjalanan sebulan  
ii) mengikut at Tobrani mengatakan : satu bulan sebelum dan satu bulan selepasnya

S – apa maksud kata-kata nabi saw [ونصرت بالرعب] ?

J – maksudnya ialah Allah mencampakkan perasaan takut dalam hati orang kafir jaraknya sebulan perjalanan.

S – apakah maksud kata-kata nabi saw [خزائن الأرض] ?

J – khazanah raja Kisra, raja Qaisar dan orang yang seumpama kedua-duanya  
- Galian bumi antaranya emas dan perak.

S – apakah kunci yang Allah khususkan bagiNya sahaja yang tidak diketahui melainkan Dia sahaja?

J - kunci perkara ghaib yang hanya Allah sahaja yang tahu ialah menganugerahkan nabi saw kedudukan istimewa dengan anugerah khazanah kekayaan.

S – berikan contoh [جوامع الكلم].

J – hadis nabi saw [انما الأعمال بالنيات]. Ulamak mengeluarkan banyak perkara daripada hadis ini yang berkaitan dengan semua tanggungjawab mukallaf seperti permasalahan ibadat, muamalat, perkahwinan dan lain-lain.

٨) وضح آراء العلماء في مدة الرعب التي وقعت على الأعداء في قوله " ..... ونصرت بالرعب ".

ج- i – في رواية : مسيرة شهر

ii – عند الطبراني : شهرا أمامي وشهرا خلفي

٩) ما المراد من قوله ﷺ : " ونصرت بالرعب " ؟

ج- ألقى الله تعالى الخوف في قلوب الكفار مسيرة شهر.

١٠) ما المراد من قوله ﷺ " خزائن الأرض " ؟

ج- خزائن كسرى وقيصر ونحوهما.

- معادن الأرض التي منها الذهب والفضة.

١١) ما هو المفتاح الذي اختص الله تعالى له لا يعلمها الا هو ؟

ج- هو المفتاح الغيب لا يعلم الا الله ، أعطى النبي الكريم منزلة الاختصاص باعطائه الخزائن.

١٢) هات مثلا من جوامع الكلم .

ج- قوله (ص) " انما الأعمال بالنيات.....". وقد استخرج العلماء من هذا الحديث

أمورا كثيرة تتعلق بكافة أعمال المكلفين في فقه العبادات وفقه المعاملات وفقه المناكحات وغيرها من الأمور الكثيرة .

Panitia Syariah SMU(A) Meheliah

S – Nyatakan keistimewaan nabi saw.

J – i) Allah swt memberikan baginda [جوامع الكلام] iaitu al Quran dan hadis

ii) membantu baginda mengalahkan musuh dengan perasaan takut (dalam hati musuh) jaraknya sebulan perjalanan

iii) Allah swt memberikan kepada baginda khazanah kekayaan.

S – jelaskan jenis mukjizat yang Allah kuatkan kepada nabi saw.

J – i) dicampakkan dalam hati oran kafir perasaan takut

ii) memberikannya kekayaan bumi :

- Harta dari Syam
- Harta dari Farsi
- Emas dan Perak dari bumi

١٣) اذكر من خصائص الرسول (ص) .

ج- ١- أعطاه الله جوامع الكلام (القرآن السنة)

٢- ونصره على الأعداء بالخوف مسيرة شهر

٣- أعطاه الله الخزائن .

١٤) بين أنواع المعجزة التي أيد الله نبيه (ص) ؟

ج- ١- بيث في القلوب الكافرين الرعب

٢- بيث الخزائن الأرض :

أ- مال من الشام

ب- مال من الفرس

ج- الذهب من الفضة من الأرض

## Hadis 40

Daripada Abu Said bin Ma'la berkata: saya sedang solat di masjid lalu Rasulullah saw memanggil aku tetapi aku tidak menyahutnya. (selepas solat) aku berkata : wahai Rasulullah, tadi aku sedang solat. Maka baginda berkata: tidakkah Allah swt berfirman: sahutlah seruan Allah dan Rasulnya apabila kamu dipanggil bagi perkara yang menghidupkan kamu. Kemudian baginda berkata kepadaku: sesungguhnya aku akan ajar kamu satu surah yang paling mulia dalam al Quran sebelum kamu keluar dari masjid ini, lalu baginda memegang tanganku. Ketika baginda ingin keluar (dari masjid) aku bertanya: tidakkah Rasulullah kata sebelum ini untuk mengajar aku surah yang paling agung dalam al

Quran. Baginda berkata: [الحمد لله رب العالمين] itulah 7 ayat yang diulang-ulang dan al Quran al azim yang diturunkan padaku.

### Huraian Hadis:

- Abu Said bin Ma'la menceritakan bahawa dia sedang solat di masjid
- Lalu Rasulullah saw memanggilnya tetapi dia tidak menyahutnya
- Beliau memberitahu Rasulullah selepas itu bahawa dia tadi sedang solat.
- Maka baginda berkata kepadanya: Tidakkah Allah swt berfirman: "Sahutlah seruan Allah dan Rasulnya apabila kamu dipanggil bagi perkara yang menghidupkan kamu". Maksudnya : kamu menyahut panggilan Rasulullah itu adalah wajib dan berdosa seseorang itu yang tidak menyahutnya.
- Kemudian baginda berkata kepadanya bahawa baginda ingin mengajarnya surah yang paling mulia dalam al Quran sebelum keluar dari masjid ini.
- Lalu baginda memegang tanganku seorang. Ketika baginda ingin keluar (dari masjid) Abu Said berkata kepada baginda: Tidakkah Rasulullah kata tadi mahu mengajar aku surah yang paling mulia dalam al Quran.
- Rasulullah saw memberitahunya surah yang paling mulia itu ialah الحمد لله رب العالمين iaitu 7 ayat yang diulang-ulang ( surah al fatihah) dan al Quran al azim (ayat-ayat lain selain surah al Fatihah).

## الحديث الحادي والأربعون (ص ٩٠)

عن أبي سعيد بن المعلى قال: كنت أصلي في المسجد فدعاني رسول الله ﷺ فلم أجبه , فقلت: يا رسول الله إني كنت أصلي, فقال: ألم يقل الله ( استجبوا لله وللرسول إذا دعاكم لما يحييكم ) ثم قال لي: لأعلمنك سورة هي أعظم السور في القرآن , قبل أن تخرج من المسجد, ثم أخذ بيدي , فلما أراد أن يخرج قلت: ألم تقل, لأعلمنك سورة هي أعظم سورة في القرآن, قال: الحمد لله رب العالمين. هي السبع المثاني والقرآن العظيم الذي أوتيته.

### شرح الحديث:

- روي ابو سعيد بن المعلى أنه كان يصلي في المسجد.
- فدعاه رسول الله ﷺ فلم يجبه
- فأخبره الرسول ﷺ بعد ذلك أنه يصلي في ذلك الوقت.
- فقال له الرسول ﷺ : ألم يقل الله " استجبوا لله وللرسول إذا دعاكم لما يحييكم " يعني أن اجابته واجبة يعصي المرء بتركها.
- ثم قال له الرسول ﷺ أنه يريد أن يعلمه أعظم سورة في القرآن قبل الخروج من المسجد.
- ثم أخذ رسول الله ﷺ بيده بالافراد, فلما أراد أن يخرج من المسجد قال ( أبو سعيد) له: ألم تقل, لأعلمنك سورة هي أعظم سورة في القرآن.
- فأخبره الرسول ﷺ أن أعظم سورة " الحمد لله رب العالمين " وهي السبع المثاني يعني " الفاتحة " والقرآن العظيم أى ما زاد على الفاتحة.



## Panitia Syariah SMU(A) Meheliah

S - *Siapakah perawi hadis ini? / siapakah Abu Said bin Ma'la?*

J - Namanya ialah Rafi'. Pendapat lain mengatakan: al Harith.

S - *Apakah yang menjadi dalil daripada firman Allah swt :*

[استجيبوا لله وللرسول اذا دعاكم لمل يحييكم]

J - dalil menunjukkan wajib menyahut panggilan nabi saw dan berdosa orang yang tidak melakukannya.

S - *Adakah batal solat atau tidak dengan menjawab panggilan nabi saw?*

J - Sekumpulan ulamak mazhab Syafie dan lain-lainnya mengatakan tidak batal solat dan hokum ini khusus untuk nabi saw.

S - *Berikan contoh ucapan orang yang sedang solat kepada nabi saw yang tidak membatalkan solatnya.*

J - "Salam sejahtera untukmu wahai nabi".

S - *Apakah maksud surah yang paling mulia?*

J - Pahalanya lebih besar berbanding dengan yang lain.

S - *Ulamak berselisih pendapat tentang kelebihan sebahagian al Quran dengan sebahagian lain kepada tiga pendapat. Sebutkan ketiga-tiga pendapat tersebut.*

J - Pendapat pertama: boleh melebihi sebahagian al Quran dengan sebahagian lain. Ini pendapat Ibnu Rahawiah, Ibnu al Arabi dan kebanyakan ulamak.

س - من راوي الحديث؟/من هو أبو سعيد بن المعلى؟

ج - اسمه رافع وقيل الحارث.

س - ماذا استدل من قوله تعالى: "استجيبوا لله وللرسول اذا دعاكم لمل يحييكم"؟

ج - استدل به على أن اجابته واجبة يعصي المرء بتركها.

س - هل تبطل الصلاة أم لا باجابة دعوة النبي ﷺ؟

ج - صرح جماعة من أصحاب الشافعية وغيرهم بعدم البطلان وأنه حكم مختص به صلى الله عليه وسلم.

س - هات مثلا خطاب المصلي له (لنبي ﷺ) الذي لا يبطل الصلاة.

ج - السلام عليك أيها النبي

س - ما المقصود أعظم السور؟

ج - أن ثوابها اعظم من غيرها.

س - اختلف العلماء في تفضيل بعض القراء على بعض الى ثلاثة أقوال، أذكر هذه الاقوال الثلاثة.

ج - القول الأول: جواز تفضيل بعض القراء على بعض (هو قول ابن راهوية وابن العربي وأكثر العلماء)

Pendapat kedua: tidak boleh melebihi sebahagian al Quran dengan sebahagian yang lain. Ini pendapat al Asy'ari, al Baqalani dan sekumpulan ulamak lain.

Pendapat ketiga: melebihi sebahagian ala Quran ini ialah dengan maksud pahala sebahagian al Quran itu lebih besar berbandin sebahagian yang lain. Kelebihan ini hanyalah dari segi maksudnya bukan dari sudut sifatnya.

*S - kenapa al Asy'ari, al Baqalani dan sekumpulan ulamak lain melarang melebihi sebahagian al Quran?*

J - kerana bahagian yang kurang mulia itu adalah kurang daripada darjat yang lebih mulia sedangkan nama-nama Allah, sifat-sifatNya dan kalamNya tidak ada kekurangan.

*S - kenapa dinamakan dengan السبع dan المثاني seperti dalam hadis ini?*

J - Dinamakan السبع kerana ayatnya seperti surah al maun dan tidak ada surah ketika sepertinya dan dinamakan المثاني :

- 1- Kerana ia disebut sepanjang masa (diulang baca), tanpa putus dan dipelajari tanpa jemu.
- 2- Satu pendapat mengatakan: kerana ianya dibaca pada setiap rakaat solat (diulang baca).
